



LAPORAN TAHUNAN

2019



ISI KANDUNGAN


- 1...** PROFIL KORPORAT
- i* SEJARAH PENUBUHAN PSUKPP
 - ii* CARTA ORGANISASI PSUKPP
 - iii* VISI, MISI DAN MOTO PSUKPP
 - iv* NILAI TERAS PSUKPP
 - v* PIAGAM PELANGGAN PSUKPP
- 2...** UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI (CMI)
- 3...** BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
- 4...** BAHAGIAN PENGURUSAN MAJLIS DAN PROTOKOL
- 5...** BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- 6...** BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- 7...** BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI
- 8...** BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
- 9...** BAHAGIAN PERUMAHAN
- 10...** BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
- 11...** BAHAGIAN MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG
- 12...** UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN INOVASI
- 13...** UNIT INTEGRITI

SEJARAH PENUBUHAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
(PSUKPP)

Pejabat Kerajaan Negeri
berpindah sekali lagi ke
Kompleks Tun Abdul Razak
(KOMTAR) sehingga sekarang

Pentadbir Negeri Pulau Pinang
yang pertama merupakan
seorang berbangsa Inggeris yang
menerajui pentadbiran Negeri
Pulau Pinang mulai 6 September



Pejabat Kerajaan Negeri
berpindah ke Bangunan
Tunku Syed Putra

Pentadbir Melayu pertama yang
mengambil alih tonggak
pentadbiran dari bangsa
Inggeris.




Pejabat Kerajaan Negeri pertama
berpusat di Ban Hin Lee Bank,
Lebuh Pantai



CARTA ORGANISASI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
(PSUKPP)

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG



UAD	: UNIT AUDIT DALAM	KETUA UNIT
UKKI	: UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI	KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
UI	: UNIT INTEGRITI	KETUA UNIT
BKSA	: BAHAGIAN KAWAL SELIA AIR	KETUA JURUTERA
BKT	: BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN	KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
PERBADANAN KM	: UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI	TIMBALAN PENGURUS BESAR
BP	: BAHAGIAN PERUMAHAN	KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (KANAN)
BPEN	: BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI	SETIAUSAHA BAHAGIAN
PEJABAT KM	: PEJABAT KETUA MENTERI	SETIAUSAHA SULIT KANAN
BPSM	: BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	SETIAUSAHA BAHAGIAN
BPMP	: BAHAGIAN PENGURUSAN MAJLIS & PROTOKOL	KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
MSN	: MAJLIS SUKAN NEGERI	PENGARAH
DUN	: BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI	KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
BTMKN	: BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT& KOMUNIKASI NEGERI	SETIAUSAHA BAHAGIAN
BKP	: BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (KANAN)



VISI, MISI DAN MOTO

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
(PSUKPP)



Menjadi Organisasi
yang Unggul
dan Berprestij



Memperkasakan Tadbir
Urus yang Cekap,
Akauntabiliti Dan
Telus Ke Arah
Negeri Maju Demi
Kesejahteraan Rakyat



3 I's
Integrity
Intelligence
International



NILAI TERAS

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
(PSUKPP)

M

Minda bertaraf antarabangsa

U

Unggul dalam penyampaian perkhidmatan

T

Selus dalam tindakan dan membuat keputusan

I

Integriti dalam perkhidmatan awam

A

Amanah dan adil dalam menjalankan tugas

R

Rasional, relevan dan dinamik

A

Agama menjadi asas pegangan



PIAGAM PELANGGAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
(PSUKPP)

95% projek fizikal dilaksanakan mengikut jadual (P.01)

Merancang, Menyelaras, Memantau Dan Menilai Kajian Sosio Ekonomi Dalam Tempoh Yang Telah Ditetapkan

Urusan Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Dikendalikan Dengan Profesional, Teliti Dan Berkesan

Permohonan Pinjaman Penuntut Diproses Dan Diberi Keputusan Dalam Tempoh Satu (1) Bulan Daripada Tarikh Tutup Permohonan

Permohonan Pendaftaran Rumah Kos Rendah/Rumah Kos Sederhana Rendah Yang Lengkap Diproses Dalam Tempoh Satu (1) Hari Daripada Tarikh Diterima

Maklumbalas Aduan Dikemukakan Dalam Tempoh Lima Belas (15) Hari Dari Tarikh Aduan Diterima

Tuntutan Bayaran Bagi Dokumen Lengkap Dibuat Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari Dari Tarikh Penerimaan

Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Disediakan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari Bekerja Mulai Daripada Tarikh Arahan Diterima

Keputusan MMK Dilaksanakan Tidak Lewat Daripada Tujuh (7) Hari Setelah Minit MMK Disahkan

Urusan Dewan Undangan Negeri Dilaksanakan Dengan Cekap, Mengikut Jadual Dan Tarikh-Tarikh Penting Yang Ditetapkan

Jawapan Terhadap Permohonan/Urusan Perkhidmatan Sumber Manusia Yang Lengkap Diproses Dan Diberikan Keputusan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari Dari Tarikh Penerimaan





CMI

UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI



MAJLIS PERASMIAN TAMAN FOUNTAIN GARDEN

Majlis ini dirasmikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow dan turut dihadiri oleh 30 orang yang terdiri daripada ADUN, YB SUK dan pengarah-pengarah jabatan.



PEMBENTANGAN BERKENAAN PELAN PENGURUSAN KONSERVASI BAGI DEWAN SRI PINANG

Pembentangan dilakukan di hadapan Tuan Yang Terutama (TYT) oleh wakil daripada Think City.



MAJLIS MENANDATANGANI CONTRIBUTION AGREEMENT ANTARA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERSAMA UN HABITAT

Ditandatangani antara YAB Tuan Chow Kon Yeow dan wakil UN Habitat yang disaksikan oleh Datuk Bandar, YB PKN dan CMI.



PEMBENTANGAN KONSEP REKABENTUK *PERSONALIZED INFORMATION DESCRIPTION LANGUAGE (PIDL) KEPADA TYT*

CMI bersama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengadakan pembentangan kepada TYT bagi mendapatkan kelulusan reka bentuk yang telah disediakan oleh arkitek / juru perunding iaitu (Beta Architect PLT).



TAKLIMAT MENGENAI BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN MESYUARAT AGUNG (AGM) PENUBUHAN JMB RUMAH PANGSA TAMAN AMPANG JAJAR

Perjumpaan bersama penduduk, wakil Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi menjelaskan peranan penubuhan JMB.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAGI TUJUAN PENUBUHAN BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) RUMAH PANGSA TAMAN AMPANG JAJAR

Perjumpaan bersama penduduk, turut dihadiri oleh wakil Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), YB Soon Lip Chee dan berlakunya proses pengundian bagi pemilihan JMB.



SIDANG MEDIA BERKENAAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF *NORTH SEAFRONT* DAN LEBUH LIGHT PROMENADE

Sidang media pada 29 September 2019 oleh YB Jagdeep Singh Deo berkenaan status terkini kerja-kerja menaiktaraf oleh George Town Conservation and Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC).

Projek penambahbaikan pinggir laut bahagian utara meliputi tembok laut, Lebuh Light dan Menara Jam Queen Victoria.

Penaiktarafan laluan Lebuh Light bernilai RM1,325,000.00 dan Queen Victoria Memorial Clock Tower (RM150,000.00) masing-masing dibiayai penuh oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Jagdeep memberitahu bahawa perancangan penaiktarafan pinggir laut bahagian timur bermula daripada Port Swettenham sehingga ke kawasan jeti di Weld Quay merupakan projek kerjasama di antara Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) dan George Town Conservation and Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC).



LAWATAN

LAWATAN MENTERI KEWANGAN MALAYSIA BERSAMA KEYSIGHT TECHNOLOGY & HUAWEI

Lawatan Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng bersama Keysight Technology & Huawei ke *Penang Digital Library* (PDL), Pulau Pinang pada 28 September 2019 adalah berkaitan dengan penggunaan rangkaian 5G.

LAWATAN DARI KERAJAAN NEGERI PERAK KE PDL

Lawatan ke *Penang Digital Library* (PDL) pada 10 Oktober 2019 melibatkan wakil dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, Majlis Bandaraya Ipoh dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak.

LAWATAN DARI JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI MELAKA

22 OKTOBER 2019 – Lawatan ke *Penang Digital Library* (PDL) pada 22 Oktober 2019 adalah berkaitan penyelidikan kandungan Perpustakaan Digital.



MAJLIS PERASMIAN PENANG DIGITAL LIBRARY, BATU MAUNG

Perasmian Penang Digital Library @ Batu Maung pada 2 November lalu dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri dan YB ADUN Batu Maung (YB Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain).

Penubuhan perpustakaan digital tersebut merupakan inisiatif 4P (People Public Private Partnership) antara syarikat multinasional dan tempatan membabitkan kawasan industri di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung antaranya Mah Sing Group, Intel, Inari Technology, Telekom Malaysia, SNS Network serta Southbay Plaza.

Terletak di Southbay Plaza, perpustakaan digital berkenaan dibuka setiap hari dari 10 pagi hingga 10 malam. Difahamkan, akses buku yang terdapat di sini adalah dari server Penang Digital Library (PDL) yang boleh dimuat turun secara percuma oleh pelawat.

Dalam pada itu, Bharathi dalam sidang media memberitahu bahawa terkini PDL mempunyai 4,000 pangkalan data (database) buku, dan pada tahun 2020 menerusi kerjasama dengan Perpustakaan Negara, sebanyak 2,000 database buku lagi akan ditambah.



STEP UP PROGRAM

Program yang diadakan pada 14 dan 15 November 2019 ini bertujuan memperkenalkan cara penggunaan dan bahan bacaan digital kepada pelajar-pelajar.



SMK Heng Ee



SMK (C) Dato Keramat



MAJLIS PERASMIAN PUSAT HARMONI

Pusat Harmoni dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri. Dibangunkan bersebelahan Perpustakaan Kanak-Kanak, Jalan Scotland, pusat ini berpotensi menjadi ruang komuniti universal untuk kegiatan keagamaan bagi semua lapisan masyarakat.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU)

CMI DAN HAN CHIANG UNIVERSITY COMMUNICATION (HCUC)

PENANG DIGITAL LIBRARY (PDL), 25 NOVEMBER 2019 - Ditandatangani antara Kerajaan Negeri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan pihak HCUC.



BAGI PROJEK ASIAN WOMEN LEADERSHIP UNIVERSITY (AWLU)

BILIK GERAKAN, TINGKAT 28, 2 DISEMBER 2019 - Ditandatangani antara Kerajaan Negeri oleh YAB Ketua Menteri dengan pihak Asian Women's Leadership Project Berhad.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN LADANG KALIDONIA

Perjanjian ditandatangani antara Kerajaan Negeri oleh YAB Ketua Menteri dengan pihak Eco Horizon Sdn. Bhd. bagi membangunkan projek perumahan mampu milik jenis A dekat Ladang Kalidonia, Seberang Perai Selatan (SPS).

Projek berkenaan akan menempatkan semula penduduk estet di Ladang Kalidonia, manakala bakinya akan ditawarkan kepada pemohon yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri di bawah kategori rumah mampu milik jenis A bagi membantu rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi; Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif EcoWorld, Datuk S. Rajoo.



LAWATAN KE PUSAT ARKELOGI NEGERI PULAU PINANG DI GUAR KEPAH, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

Lawatan ke Pusat Arkeologi Negeri Pulau Pinang, Guar Kepah oleh Pengerusi MMK J/K Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan, YB Dr Afif Bin Bahardin dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU).

Tapak Arkeologi Guar Kepah merupakan tempat penemuan rangka dipercayai milik manusia purba berusia antara 5,000 dan 6,000 tahun iaitu seorang wanita yang kini digelar "Penang woman".

Rangka wanita sepanjang kira-kira 1.5 meter yang ditemukan itu dipercayai berusia 35 tahun ketika mati dan keputusan ujian makmal masih ditunggu bagi mengetahui punca dia meninggal dan tarikh sebenar usia rangka berkenaan.



LAWATAN KE PUSAT ARKELOGI NEGERI PULAU PINANG DI GUAR KEPAH, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (SAMBUNGAN)

Guar Kepah, tapak bersejarah yang lebih tua daripada Lembah Bujang dan Sungai Batu, Kedah merupakan satu-satunya lokasi di Semenanjung Malaysia yang menunjukkan bukti penempatan manusia zaman dahulu yang dekat dengan kehidupan laut.

Sejurus itu, kerajaan negeri akan memohon untuk menjadikan Tapak Arkeologi Guar Kepah, sebagai tapak warisan dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di bawah kategori Tapak Arkeologi Dunia.

Kerajaan negeri bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM), Majlis Perbandaraan Seberang Perai, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang dan Jabatan Warisan Negara dari segi kepakaran bagi memastikan semua dokumentasi berkaitan tapak arkeologi itu direkodkan mengikut keperluan UNESCO.



WALKABOUT MENTERI KEWANGAN KE BUTTERWORTH DIGITAL LIBRARY(BDL)

YB Menteri Kewangan, selaku Ahli Parlimen Bagan telah mengadakan walkabout ke tapak projek Butterworth Digital Library (BDL) pada 15 Disember 2019 untuk mengetahui perkembangan projek yang telah 90% siap dilaksanakan di tapak.





DUN

BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI



ISTIADAT MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Tarikh : 12 Mac 2019

Lokasi : Anjung Mutiara, Kediaman Rasmi TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Ringkasan Program : Istiadat Mengangkat Sumpah bagi YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin sebagai EXCO menggantikan YB. Dr. Afif bin Bahardin

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KE-14

Tarikh : 17 April 2020

Lokasi : Dewan Sri Pinang

Ringkasan Program : Mesyuarat Pertama bagi persidangan DUN Penggal Ketiga

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KE-14

Tarikh : 12 – 16 & 19 Oktober 2020

Lokasi : Dewan Sri Pinang

Ringkasan Program : Mesyuarat Kedua bagi Persidangan DUN Penggal Ketiga



BPMP


BAHAGIAN PENGURUSAN
MAJLIS & PROTOKOL



Pengenalan

Sepanjang tahun 2019, Bahagian Pengurusan Majlis dan Protokol (BPMP) telah terlibat melaksanakan 139 majlis yang merangkumi Majlis-majlis Rasmi (MMR) dan Majlis Tidak Rasmi (MMTR) termasuk membantu agensi/jabatan melibatkan kenamaan dan pembesar Negeri Pulau Pinang. Bagi melancarkan setiap majlis tersebut, 343 mesyuarat berkaitan dengan pelaksanaan majlis telah diadakan.

PELAKSANAAN MAJLIS



Majlis dan Istiadat

Senarai majlis-majlis yang telah diselia/diuruskan oleh BPMP tahun 2019.

FEBRUARI		
6 Februari 2019 (Rabu)	SPICE Arena	Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Y.A.B. Ketua Menteri
9 Februari 2019 (Sabtu)	Lebuh Pantai	Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2019 (Clan)
13 Februari 2019 (Rabu)	SP Arena	Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kerajaan Negeri Pulau Pinang
22 Februari 2019 (Jumaat)	ILP Kepala Batas	Majlis Perasmian Tilawah Al-Quran dan Hafazan Peringkat Negeri Pulau Pinang Oleh TKM 1
23 Februari 2019 (Sabtu)	ILP Kepala Batas	Majlis Perasmian Penutup Tilawah Al-Quran dan Hafazan Peringkat Negeri Pulau Pinang Oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

MAC		
14 Mac 2019 (Khamis)	Masjid Jamek Sungai Acheh, Nibong Tebal	Majlis Pelancaran Sambutan Bulan-bulan Al- Quran 2019
24 Mac 2019 (Ahad)	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	Keberangkatan Lawatan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Delegasi ke United Nation (U.N) Habitat Nairobi, Kenya dan Lawatan ke Doha, Qatar

APRIL		
3 April 2019 (Rabu)	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	Sambutan kepulungan Lawatan TYT Yang di- Pertua Negeri Pulau Pinang dan Delegasi ke United Nation (U.N) Habitat Nairobi, Kenya dan Lawatan ke Doha, Qatar
5 April 2019 (Jumaat)	Masjid Bukit Bendera	Majlis Kesukuran Bacaan Yaasin dan Tahil Sempena Menyambut Bulan Syaaban dan Ramadan Anjuran TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
26 April 2019 (Jumaat)	Dewan Persidangan Dewan Sri Pinang Lebuh Light	Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas



Galeri



Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Y.A.B. Ketua Menteri



Galeri



Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Y.A.B. Ketua Menteri



Galeri



Persidangan Dewan Undangan Negeri
2019



Galeri



Lawatan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Delegasi ke United Nation (U.N) Habitat Nairobi, Kenya dan Lawatan ke Doha, Qatar



Majlis dan Istimadat

MEI		
14 Mei 2019 (Selasa)	Masjid Negeri	Majlis Berbuka Puasa Bersama YB. Dato' Seri Haji Farizan bin Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri)
21 Mei 2019 (Selasa)	Masjid Al-Marbawi Merbau Kudung, Sungai Dua	Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
22 Mei 2019 (Rabu)	Masjid Abdullah Farhim, Kepala Batas	Majlis Berbuka Puasa dengan Anak Yatim Tahfiz
30 Mei 2019 (Jumaat)	Masjid Negeri	Majlis Berbuka Puasa TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

JUN		
8 Jun 2019 (Sabtu)	Dewan Millenium, Bertam	Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri YB. Timbalan Ketua Menteri
9 Jun 2019 (Ahad)	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	Keberangkatan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Untuk Lawatan Ke Luar Negara
14 Jun 2019 (Jumaat)	Kediaman Rasmi YB. SUK	Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri YB. SUK
20 Jun 2019 (Khamis)	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	Urusan Ketibaan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Dan Rombongan Dari Lawatan Ke Luar Negara
26 Jun 2019 (Rabu)	SPICE Convention Centre	Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019

Galeri



Lawatan ke Luar Negara TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang



Galeri



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri & Kerajaan Negeri Pulau Pinang



Majlis dan Istiadat

JULAI		
11 Julai 2019 (Khamis)	Masjid Negeri, Pulau Pinang	Majlis Kesyukuran dan Forum Perdana Ehwal Islam Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
13 Julai 2019 (Sabtu)	Dataran Sri Pinang, Dewan Sri Pinang	Istiadat Kawalan Kehormatan Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
13 Julai 2019 (Sabtu)	Dewan Istiadat, Dewan Sri Pinang	Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan (DKBP) (Sesi Pertama) Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
13 Julai 2019 (Sabtu)	Spice Arena, Relau	Majlis Jamuan Teh Peringkat Negeri (Kawasan Pulau) Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
15 Julai 2019 (Isnin)	Dewan Istiadat, Dewan Sri Pinang	Istiadat Penganugerahan DKBP (Sesi Kedua) Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
15 Julai 2019 (Isnin)	SPICE CONVENTION CENTRE, Relau	Majlis Makan Malam Kerajaan Negeri Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
16 Julai 2019 (Selasa)	Dewan Istiadat, Dewan Sri Pinang	Istiadat Penganugerahan DKBP (Sesi Ketiga) Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
17 Julai 2019 (Selasa)	Dewan Istiadat, Dewan Sri Pinang	Istiadat Penganugerahan DKBP (Sesi Ke Empat) Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
18 Julai 2019 (Khamis)	SP ARENA, Seberang Jaya	Majlis Jamuan Teh Peringkat Negeri (Seberang Prai) Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
25 Julai 2019 (Khamis)	Hotel Royal Chulan	Majlis Jamuan Teh Meraikan Penghuni Institusi Kebajikan Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
28 Julai 2019 (Ahad)	Mega Lanes Bowling Centre, Megamall, Seberang Prai	Kejohanan Boling Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019



Galeri



Majlis Kesukuran dan Forum Perdana Ehwal Islam Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019



Galeri



Majlis Kesyukuran dan Forum Perdana Ehwal Islam Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019



Majlis dan Istimadat

OGOS		
6 Ogos 2019 (Selasa)	Hospital Kepala Batas	Lawatan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang ke Hospital Kepala Batas Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81
8 Ogos 2019 (Khamis)	Mydin Mall, Bukit Mertajam	Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang
31 Ogos 2019 (Sabtu)	Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth	Perarakan Hari Kebangsaan
31 Ogos 2019 (Sabtu)	Masjid Negeri, Pulau Pinang	Majlis Kesyukuran Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang

SEPTEMBER		
5 September 2019 (Khamis)	Masjid Negeri Pulau Pinang	Majlis Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
16 September 2019 (Isnin)	Dewan SP Arena, Seberang jaya	Majlis Sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang
19 September 2019 (Khamis)	Surau Al-Shuhadah, 2 RAMD, Kem Sungai Ara	Majlis Kesyukuran Sempena Hari Pahlawan Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019

OKTOBER		
2 Oktober 2019 (Rabu)	Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia	Festival Nasyid Peringkat Negeri Pulau Pinang



Galeri



Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang



Galeri



Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan
ke-62



Galeri



Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan
ke-62



Galeri



Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan
ke-62



Galeri



Hari Malaysia
2019



Majlis dan Istimadat

NOVEMBER		
3 November 2019 (Ahad)	Lorong Bagan Luar 1, Butterworth	Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019
DISEMBER		
8 Disember 2019 (Ahad)	Padang Kota, Pulau Pinang	Majlis Sambutan Hari Krismas Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019
20 hingga 22 Disember 2019 (Jumaat hingga Ahad)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ The Top, Komtar ▪ Shangri-La Rasa Sayang Resort & Spa ▪ Masjid Al-Bukhary, Persiaran Karpal Singh ▪ Kompleks Mahkamah Syariah, Batu Gantung ▪ Bukit Bendera (The Habitat, Bel Retiro) 	Lawatan Kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Pulau Pinang



Galeri



Lawatan Kerja KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Pulau Pinang



Majlis dan Istiadat

Anjuran Jabatan & Agensi Luar

Pelaksanaan Majlis-majlis yang melibatkan kenamaan negeri dengan jabatan dan agensi luar turut melibatkan BPMP sepanjang tahun 2019.

MEI		
23 Mei 2019 (Khamis)	Rumah Anak-anak Yatim Air Itam	Majlis Berbuka Puasa Tan Sri Yusoff Latiff
26 Mei 2019 (Ahad)	Kompleks Tabung Haji	Majlis Berbuka Puasa Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW)
28 Mei 2019 (Selasa)	Grand Ballroom G-Hotel	Majlis Berbuka Puasa Konsul Bangladesh

JULAI		
2 Julai 2019 (Selasa)	Dewan Sri Pinang	Malaysia Philharmonic Orchestra (MPO) North Tour 2019
7 Julai 2019 (Ahad)	MPSP Sport Complex, SPT	Program Family Fun Day @ Seberang Perai
7 Julai 2019 (Ahad)	Masjid Abdullah Farhim	Islamic Bike Fest
9 Julai 2019 (Selasa)	Spice Convention Centre	Food Tasting Bersama TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan
21 Julai 2019 (Ahad)	POWIS, Balik Pulau	Konsert Amal Sempena Balik Pulau Fest

SEPTEMBER		
15 September 2019 (Ahad)	Padang Koperasi Sungai Gelugor, Jalan Ismail Nagore	Majlis Perasmian Karnival Hari Malaysia Kelab Gelugor oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
21 September 2019 (Sabtu)	Wawasan Open University	Perasmian Seminar Perniagaan dan Peluang Kerjaya Labuan IBFC



Majlis dan Istiadat

Anjuran Jabatan & Agensi Luar

OKTOBER		
5 Oktober 2019 (Sabtu)	Dewan Penggelang Cahaya, Universiti Sains Malaysia	Majlis Makan Malam Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM)
23 Oktober 2019 (Rabu)	Sunway Carnival, Seberang Jaya	Majlis Perasmian Pameran Seni Lukis Pelajar-Pelajar Malaysia-Jepun Kali Ke-28, Tahun 2019

DISEMBER		
13 hingga 15 Disember 2019 (Jumaat - Ahad)	Tabung Haji, Jeruk Madu Pak Ali, Aquarium, Pulau Pinang	Program Reunion Perdana Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) Tahun 2019

Khidmat Logistik

BPMP menguruskan operasi pengangkutan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merangkumi sistem tempahan perjalanan, penjadualan pemandu serta kenderaan.

Urusan logistik adalah memastikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri / Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/Khas C dan ke atas atau yang setaraf tiba di destinasi dalam keadaan selesa dan selamat termasuk kenderaan ‘POOL’ yang disediakan untuk pegawai dan memastikan ketibaan di destinasi dalam keadaan selesa dan selamat.

Kenderaan

Terdapat sebanyak 44 buah kenderaan dengan pecahan seperti berikut.


JUMLAH	JENIS KENDERAAN
27	Kereta Rasmi Jawatan / VIP
14	Kereta Sedan (Gunasama / Kumpulan)
3	Bas
44	JUMLAH KESELURUHAN



Khidmat Logistik

Pemandu

Secara keseluruhan BPMP mempunyai pemandu seramai 28 orang yang terbahagi kepada empat (4) kategori pemandu seperti berikut:-





BKP

BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN



MAJLIS PERJUMPAAN DAN PENGHARGAAN YB. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

'Majlis Perjumpaan dan Penghargaan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama warga kerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP)' pada 31 Oktober 2019 telah disempurnakan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Bin Darus dan dihadiri oleh 200 orang kakitangan awam.



SESI TOWN HALL BAGI KAJIAN HUKUMAN GANTIAN TERHADAP HUKUMAN MATI MANDATORI

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan sesi *Town Hall* bagi kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori bersama Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilantik sebagai urus setia. Sesi yang bertempat di Dewan Mutiara, Kompleks Tabung Haji telah dihadiri 200 orang peserta.



BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL SIRI 1 TAHUN 2019

Bengkel ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan berhubung klasifikasi fail yang baharu selaras dengan penetapan Pihak Arkib Negara Malaysia.

Bengkel tersebut melibatkan semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan Pengurusan Rekod.

Bengkel ini telah dibimbing oleh pegawai dari Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia iaitu Encik Ahmad Syukri dan Cik Fadzlette Azra.



BENGKEL PENULISAN DOKUMEN RASMI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SIRI 1/2019

Bengkel ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang penulisan dokumen rasmi pejabat.

Bengkel tersebut melibatkan pegawai dan kakitangan bahagian/unit di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bengkel ini memberi pendedahan dan bimbingan oleh pegawai dari Kampus Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Utara (INTURA) iaitu Puan Khairul Intan binti Daud.



MAJLIS ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM) & SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Majlis penyerahan sijil dan wang tunai kepada pelajar cemerlang STPM dan pelajar cemerlang SPM Tahun 2018 melibatkan seramai 52 orang pelajar cemerlang dari 18 buah sekolah dan 3 buah sekolah terbaik di Pulau Pinang serta 251 orang pelajar cemerlang SPM dari 37 buah sekolah dan 3 buah sekolah terbaik di Pulau Pinang.

Majlis disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow.



MAJLIS PERHIMPUNAN BERSAMA YAB. KETUA MENTERI PULAU PINANG

Majlis perhimpunan ini diadakan di Grand Ballroom The Top, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) pada 13 Mei 2019 telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow.

Majlis melibatkan seramai 1500 orang anggota perkhidmatan awam dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di Pulau Pinang.



MAJLIS BERBUKA PUASA, BACAAN YASIN DAN TAHLIL

'Majlis Berbuka Puasa, Bacaan Yasin dan Tahlil YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang' merupakan salah satu daripada agenda tahunan yang dilaksanakan pada bulan Ramadan setiap tahun.

Majlis berbuka puasa ini telah diadakan pada minggu ketiga bulan Ramadan iaitu pada hari Rabu, 14 Mei 2019 bersamaan 9 Ramadan 1440H.

Pada setiap tahun juga, satu madrasah tahfiz akan dipilih sebagai jemputan. Madrasah Tahfiz Darul Usha Sha telah dipilih sebagai jemputan tahun 2019. Jumlah jemputan adalah 150 orang.

Majlis disempurnakan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dato' Seri Farizan Bin Darus.



TAKLIMAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN TAHUN 2019

Taklimat anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini berkenaan untuk meningkatkan pengetahuan tentang Tatacara Pengurusan Dokumen Terperingkat (Sulit/Rahsia).

Taklimat tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan kerahsiaan dokumen rasmi.

Taklimat tersebut telah diberi penerangan oleh Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (KPKK) iaitu Encik Sofandi bin Bujang,



MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI YB. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019

Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri serta Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019 merupakan salah satu daripada agenda tahunan yang dilaksanakan pada bulan Syawal setiap tahun. Setiap tahun juga, satu Madrasah Tahfiz dan Rumah Anak Yatim akan dipilih sebagai jemputan ke majlis ini.

Pada tahun 2019, Madrasah Tahfiz Darus Sa'adah dan Anak-Anak Yatim dari Pusat Jagaan Kasih Abadi, Bertam telah dijemput sempena Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri serta Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Majlis yang disempurnakan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dato' Seri Farizan Bin Darus ini turut dihadiri oleh YAB Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YBhg. Puan Tan Lean Kee.

Jumlah jemputan adalah seramai 2000 orang.

LAWATAN INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN TAHUN 2019

Lawatan ini dihadiri dan dinilai jumlah pemarkahan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK).

Tujuan lawatan adalah bagi menambah baik prosedur sedia ada dan mendapatkan khidmat nasihat daripada Pejabat KPKK Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

Lawatan ini menekankan empat (4) aspek iaitu :

- ❖ komitmen pengurusan
- ❖ keselamatan fizikal
- ❖ keselamatan dokumen
- ❖ keselamatan peribadi

Lawatan tersebut melibatkan semua bahagian/unit di bawah Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.





BPSM

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



BENGKEL KEMAHIRAN ASAS MEMBIMBING SIRI 1/2019 (PASCA AKRAB)

Seksyen Kaunseling dan Psikologi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah melaksanakan **Bengkel Kemahiran Asas Membimbing Siri 1/2019 (Pasca AKRAB)** yang dihadiri oleh ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 3 hingga 4 September 2019. Tempat yang di pilih adalah *Penang Digital Library (PDL)*.

Bengkel ini dilaksanakan secara berkala iaitu 2 kali dalam setahun. Tujuan bengkel adalah untuk membina keyakinan dalam diri ahli AKRAB serta menggalakkan mereka untuk mempraktikkan nilai-nilai psikologi dalam sesi bimbingan. Selain itu, ia juga dapat membina kemesraan dan sifat menolong di kalangan ahli dan secara tidak langsung mewujudkan suasana yang harmoni dalam sesebuah organisasi.

Objektif bengkel adalah untuk melatih sekumpulan peserta dengan asas-asas kemahiran hubungan menolong dan komunikasi, membina satu sumber sokongan bagi ahli AKRAB dalam organisasi untuk mendapatkan bantuan terutama berkongsi isu emosi dan peribadi dengan rakan yang dipercayai; serta melatih ahli AKRAB agar menjadi penolong kepada rakan yang lain melalui tingkah laku menolong.

Bengkel dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Psikologi daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang bersama Urus Setia Seksyen Kaunseling dan Psikologi, PSUKPP.



Jadual & Gambar Program (PASCA AKRAB)

TARIKH/ MASA	8.00 PG - 8.30 PG	8.30 PG - 10.30 PG	11.00 PG - 1.00 PTG	1.00 PTG - 2.30 PM	2.30 PM - 4.30 PM
03 Sept 2019	Pendaftaran dan Minum Pagi	Pengenalan & Ice Breaking (En Kamaruddin Bin Yeh)	Kesedaran Kendiri (Pn Wan Su Bt Haron)		Kemahiran Asas Komunikasi (Pn Wan Su Bt Haron)
04 Sept 2019	Minum Pagi	Kemahiran Asas Hubungan Menolong (Pn Jasrina Bt Shaik Othman)	Sesi Penamatan (Pn Jasrina Bt Shaik Othman)	Rehat/ Makan Tengahari/ Solat Zohor	Kesimpulan (Pn Jasrina Bt Shaik Othman)



PROGRAM PENGURUSAN KEWANGAN 2019

Program Pengurusan Kewangan 2019 yang diadakan di Penang Skills Development Centre (PSDC), Bayan Lepas dihadiri oleh penjawat awam di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Program dua hari ini dirangka bagi memberi alternatif dengan memperkenalkan aspek psikologi dalam pembuatan keputusan yang melibatkan kewangan.

Empat objektif program adalah seperti berikut: mempertingkatkan pemahaman mengenai kepentingan pengurusan kewangan, memberikan pemahaman mengenai sistem pengurusan kewangan yang sistematik dan berkesan, memberikan informasi mengenai kaedah mengurus perbelanjaan di antara hutang yang perlu dan penting sahaja dan akhir sekali, untuk mengetahui cara terbaik untuk mengurus dan melindungi hutang piutang, aset dan pelaburan sedia ada.

Dari 50 permohonan telah diterima melalui Sistem e-Pengurusan Latihan (ePL), seramai 38 orang peserta telah hadir manakala 12 orang peserta tidak hadir.

Program pada 12 hingga 13 September 2019 ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Psikologi (Ketua Penolong Pengarah - Kluster Psikologi Organisasi) dari Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama Urus Setia Seksyen Kaunseling dan Psikologi, PSUKPP.



Jadual & Gambar Program PENGURUSAN KEWANGAN 2019

HARI /MASA	8.30 pagi - 10.30 pagi	11.00 pagi - 1.00 tgh	2.30 ptg - 4.30 ptg
HARI PERTAMA	<p style="text-align: center;">SLOT 1.0</p> <p>FINANCIAL WELLNESS</p> <p>1.1 Taklimat Program (K) 1.2 <i>Ice Breaking (A, B)</i> 1.3 <i>What makes your CHOICE! (K, A)</i></p>	<p style="text-align: center;">SLOT 2.0</p> <p>KEHIDUPAN, WANG & ANDA</p> <p>2.1 <i>Klontz Money Scripts Inventory (A, K)</i> 2.2 <i>My Money, My Choice! (A, B)</i></p>	<p style="text-align: center;">SLOT 3.0</p> <p>MONEY & ANXIETY</p> <p>3.1 Wang & Emosi (A, K) 3.2 Pengurusan Wang (K, A, B)</p>
HARI KEDUA	<p style="text-align: center;">SLOT 4.0</p> <p>BIJAK MEMINJAM</p> <p>4.1 Asas Meminjam (K) 4.2 Pengurusan Kredit (K)</p>	<p style="text-align: center;">SLOT 5.0</p> <p>MONEY-TREE</p> <p>5.1 Pelaburan (K) 5.2 Pengurusan Risiko (K) 5.3 Perlindungan (K)</p>	<p style="text-align: center;">SLOT 6.0</p> <p>RINGGIT & SENSE</p> <p>6.1 <i>My Money, My Choice! (A, B)</i> 6.2 <i>Individual Financial Profiling (A, B)</i> 6.3 Rumusan (K, B)</p>



PROGRAM PENGURUSAN PERUBAHAN 2019 (*CHANGE MANAGEMENT*)

25 SEPTEMBER 2019 - Program Pengurusan Perubahan (*Change of Management*) 2019 yang bertempat di Penang Skills Development Centre (PSDC) Bayan Lepas telah dihadiri oleh penjawat awam di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Program ini merupakan satu program transformasi bagi persediaan penjawat awam Negeri Pulau Pinang untuk menerima perubahan budaya kerja dalam aspek psikologi iaitu kognitif, emosi dan tingkah laku.

Sebanyak 70 permohonan telah diterima melalui pencalonan daripada jabatan bagi mengisi 50 kuota peserta bagi program ini. Seramai 51 orang peserta telah hadir dalam program ini. Penyertaan adalah terdiri daripada Pembantu Tadbir Kanan, Penolong Pegawai Tadbir dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta program mengenai konsep, prinsip, falsafah serta peraturan-peraturan asas sistem pentadbiran jabatan/ agensi bagi membolehkan Ketua Jabatan mengetuai tindakan perubahan bagi penambahbaikan di dalam pentadbiran dan pelaksanaan, memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme peserta program supaya lebih berketerampilan.

Di samping itu, program ini bertujuan untuk meningkatkan kemampuan penyesuaian diri dalam perkhidmatan awam; dan menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar peserta program dapat menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan serta menjadi penjawat awam yang mempunyai minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.

Jadual & Gambar Program

CHANGE MANAGEMENT 2019

Program Pengurusan Perubahan (Change Management) 2019 telah dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Psikologi daripada Penjara Wanita Kajang bersama Urus Setia Seksyen Kaunseling dan Psikologi, PSUKPP.

HARI /MASA	8.30 pagi - 10.30 pagi	11.00 pagi - 1.00 tgh	2.30 ptg - 4.30 ptg
25 SEPT 2019	SLOT 1	SLOT 2	SLOT 3



BENGKEL ART THERAPY - DEALING WITH YOUR EMOTIONS

Bengkel Art Therapy - Dealing With Your Emotions di Penang Skills Development Centre (PSDC), Bayan Lepas dihadiri oleh penjawat awam yang terdiri daripada ahli AKRAB di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Program yang telah dijalankan pada 29 hingga 30 Oktober 2019 ini dirangka untuk memperkenalkan terapi seni sebagai alternatif bagi meningkatkan keupayaan mental dan kesejahteraan emosi peserta.

Objektif bengkel adalah membantu peserta dalam menangani tekanan yang dialami, mengekspresikan emosi melalui kaedah art therapy serta meningkatkan kesedaran kendiri dan self-esteem; dan membantu peserta untuk meluahkan tekanan melalui pendekatan art therapy.

Sebanyak 55 permohonan telah diterima melalui sistem ePL bagi mengisi 50 kekosongan tempat bagi bengkel ini. Seramai 45 orang peserta telah hadir manakala 10 orang peserta tidak hadir.

Bengkel ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Psikologi daripada Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya.



Jadual & Gambar Program

ART THERAPY – DEALING WITH YOUR EMOTIONS 2019

HARI /MASA	8.30 pagi - 10.30 pagi	11.00 pagi - 1.00 tgh	2.30 ptg - 4.30 ptg
29 SEPT 2019	<i>Creative Art : Music & Singing (Audio)</i>	<i>Creative Art : Movement Therapy (Audio)</i>	<i>Creative Art : Be Your Own Artist</i>
30 SEPT 2019	<i>Creative Art : Art of Laughing</i>	<i>Creative Art : Laughter Yoga & Wrap Up</i>	<i>Creative Art : Summary/ Closing</i>



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

TEAM BONDING PT (P/O) & PT (KEW)

Tarikh : 25-27 JANUARI 2019

Lokasi : INTURA

Peserta : 35

KURSUS KESIHATAN 1 – LET'S FIT

Tarikh : 20 FEBRUARI 2019

Lokasi : TAMAN BELIA, PULAU PINANG

Peserta : 138

KURSUS PEMBANGUNAN DIRI

Tarikh : 28 FEBRUARI 2019

Lokasi : AUDITORIUM A

Peserta : 265

KURSUS PENGURUSAN DOKUMEN PERSARAAN

Tarikh : 5-6 MAC 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 40

Galeri



Team Bonding Gred 19



Kursus Pembangunan Diri



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KURSUS PENGURUSAN ASET KERAJAAN

Tarikh : 11-12 MAC 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 46

KURSUS KESIHATAN 2 - KESIHATAN MENTAL

Tarikh : 14 MAC 2019

Lokasi : AUDITORIUM A

Peserta : 260

BENGKEL PENGENDALIAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN

Tarikh : 27-28 MAC 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 45

TEAM BONDING PO (N11) & PA (H11)

Tarikh : 29-31 MAC 2019

Lokasi : INTURA

Peserta : 34

Galeri



Team Bonding Gred 11



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

LISTENING EVEN WHEN IT IS DIFFICULT TO LISTEN

Tarikh : 3-4 APRIL 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 42

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA SIRI 1/2019

Tarikh : 7-12 APRIL 2019

Lokasi : BUKIT JAWI GOLF RESORT, SPS

Peserta : 49

KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

Tarikh : 15-16 APRIL 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 50

PRESENT LIKE A PRO

Tarikh : 16-17 APRIL 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 45

Galeri



Listening Even When It Is Difficult To Listen



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

TIPS DAN TEKNIK MENANGANI PELANGGAN DENGAN EFEKTIF (WE SERVE)

Tarikh : 23-24 APRIL 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 42

BENGKEL PENYEDIAAN BUTIRAN HARGA/ BIL OF QUANTITY

Tarikh : 24-25 APRIL 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 45

KURSUS PEMBANGUNAN INSANIAH SIRI 1

Tarikh : 9 MEI 2019

Lokasi : AUDITORIUM A

Peserta : 294

KURSUS PEMBANGUNAN INSANIAH SIRI 2

Tarikh : 17 MEI 2019

Lokasi : AUDITORIUM A

Peserta : 316

SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KURSUS PEMBANGUNAN INSANIAH SIRI 3

Tarikh : 28 MEI 2019

Lokasi : DEWAN SERBAGUNA, PDT SPT

Peserta : 226

PROGRAM QURAN HOUR "WORLD OF COMPASSION"

Tarikh : 30 MEI 2019

Lokasi : AUDITORIUM A

Peserta : 80

KURSUS KESIHATAN 3 - ENT

Tarikh : 10 JULAI 2019

Lokasi : AUDITORIUM A

Peserta : 264

KURSUS PENGURUSAN HASIL DAN TERIMAAN

Tarikh : 16- 17 JULAI 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 50

Galeri

KURSUS PERAKAUNAN TERIMAAN DAN HASIL KERAJAAN

TARIKH:
**16 & 17 JULAI
2019**

TEMPAT:
**BILIK 1202,
PSDC BAYAN
LEPAS, PULAU
PINANG**

REHAT
MAKAN/MINUM :
8.30 am / 1.00 pm
/ 4.30 pm

**SELASA
16**

08.00 am - 08.25 am
08.30 am - 08.55 am
09.00 am - 10.40 am
10.40 am - 11.00 am
11.00 am - 01.00 pm
01.00 pm - 02.00 pm
02.00 pm - 04.30 pm

Penceramah: Wakil Pegawai Jabatan Akauntan Negara
Malaysia Negeri Pulau Pinang

**RABU
17**

08.00 am - 08.25 am
08.30 am - 08.55 am
09.00 am - 10.40 am
10.40 am - 11.00 am
11.00 am - 01.00 pm
01.00 pm - 02.00 pm
02.00 pm - 04.30 pm

Penceramah: Wakil Pegawai Jabatan Kewangan
Negeri Pulau Pinang



**Kursus Perakaunan Terimaan Dan
Hasil Kerajaan
16-17 Julai 2019 @PSDC, Pulau Pinang**



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KURSUS KESIHATAN 4 – LET'S FIT

Tarikh : 18 JULAI 2019

Lokasi : TAMAN BELIA, PULAU PINANG

Peserta : 144

KURSUS HAK MILIK STRATA

Tarikh : 23-24 JULAI 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 50

SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI SIRI 2

Tarikh : 15 OGOS 2019

Lokasi : AUDITORIUM F, KOMTAR

Peserta : 140

KURSUS TATACARA PENGURUSAN STOR KERAJAAN

Tarikh : 21-22 OGOS 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 52

Galeri



Kursus Hak Milik Strata



Kursus Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KESELAMATAN BANGUNAN DAN KEBAKARAN SIRI 1

Tarikh : 26-28 OGOS 2019

Lokasi : BALAI BOMBA JALAN PERAK

Peserta : 32

KURSUS TNA & POL (*LEARNING NEED ANALYSIS*)

Tarikh : 10-12 SEPTEMBER 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 35

KURSUS FAMILIARISASI : SISTEM KUALITI MS ISO 9001:2015

Tarikh : 17-18 SEPTEMBER 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 46

PROFESIONAL UNGGUL

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2019

Lokasi : AUDITORIUM A, KOMTAR

Peserta : 287

SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KURSUS PEMBANGUNAN DIRI

Tarikh	: 24 SEPTEMBER 2019
Lokasi	: AUDITORIUM A, KOMTAR
Peserta	: 213

GAJI, ELAUN DAN KEMUDAHAN

Tarikh	: 25-26 SEPTEMBER 2019
Lokasi	: PSDC
Peserta	: 51

KESELAMATAN BANGUNAN DAN KEBAKARAN - SIRI 2

Tarikh	: 30 SEPTEMBER-2 OKTOBER 2019
Lokasi	: BALAI BOMBA JALAN PERAK
Peserta	: 43

PENGUCAPAN AWAM DAN PENGACARAAN KREATIF

Tarikh	: 9-10 OKTOBER 2019
Lokasi	: PSDC
Peserta	: 26

Galeri



Gaji, Elaun dan Kemudahan



Pengucapan awam



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

ENGLISH COMMUNICATION (SPEAK BETTER ENGLISH)

Tarikh	:	11-13 OKTOBER 2019
Lokasi	:	ROYAL CHULAN HOTEL
Peserta	:	19

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA SIRI 2/2019

Tarikh	:	13-18 OKTOBER 2019
Lokasi	:	BUKIT JAWI GOLF RESORT, SPS
Peserta	:	50

SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI SIRI 1

Tarikh	:	30 OKTOBER 2019
Lokasi	:	PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG SBRG JAYA
Peserta	:	155

ENGLISH COMMUNICATION (SPEAK BETTER ENGLISH) SIRI 2

Tarikh	:	14-16 NOVEMBER 2019
Lokasi	:	FLAMINGO HOTEL
Peserta	:	24

Galeri



Speak Better English



SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KURSUS PRA PERSARAAN

Tarikh : 18-19 NOVEMBER 2019

Lokasi : PSDC

Peserta : 35

KURSUS PEMBANGUNAN DIRI

Tarikh : 20 NOVEMBER 2019

Lokasi : PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG
(CAWANGAN SEBERANG JAYA)

Peserta : 237

TEAM BONDING PSUKPP/ EMPOWERING HUMAN RESOURCES

Tarikh : 21-22 NOVEMBER 2019

Lokasi : ILKM JAWI

Peserta : 67

KURSUS KESIHATAN 5 – LET'S FIT : JOM KAYUH RONDA

Tarikh : 26 NOVEMBER 2019

Lokasi : AUDI DREAM FARM, BALIK PULAU

Peserta : 73

SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PERKESO DAN LHDN (SEMINAR BIJAK CUKAI)

Tarikh	:	27 NOVEMBER 2019
Lokasi	:	PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG (CAWANGAN SEBERANG JAYA)
Peserta	:	81

BENGKEL PEMURNIAN SISTEM e-PENGURUSAN LATIHAN (e-PL)

Tarikh	:	29 NOVEMBER 2019
Lokasi	:	BTMKN
Peserta	:	22

KURSUS SEBUTHARGA (GANTI BENGKEL PENYEDIAAN KERTAS KERJA MMK)

Tarikh	:	4-6 DISEMBER 2019
Lokasi	:	PSDC
Peserta	:	41



BTMKN

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
& KOMUNIKASI NEGERI



KAJIAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN APLIKASI ANALITIS DATA RAYA PENGURUSAN BENCANA BANJIR NEGERI PULAU PINANG

Kajian dan perbincangan bersama pasukan Subject Matter Expert daripada Bahagian Khidmat Pengurusan PSUKPP, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Meteorologi, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Unit GIS BTMKN, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Sesi ini dijalankan bagi mendapatkan input pembangunan aplikasi analitis data raya yang berfungsi sebagai saluran utama untuk pengurusan bencana banjir di Pulau Pinang. Disamping itu, aplikasi ini juga dibangunkan untuk menyelaras kekuatan bantuan dan mengunjurkan potensi berlakunya banjir hasil daripada faktor-faktor yang dikenalpasti boleh menyumbangkan kepada bencana banjir.



SESI LIBAT PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DATA TERBUKA 2019, MALAYSIAN GOVERNMENT CENTRAL DATA EXCHANGE (MYGDX) DAN; SISTEM PEMANTAUAN LAMAN WEB DAN PERKHIDMATAN DALAM TALIAN KERAJAAN (SPLASK) BAGI ZON UTARA

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadi hos bagi program yang telah dijalankan oleh pihak MAMPU bertempat di *Penang Digital Library* (PDL) pada 25 Mac 2019. Program ini turut disertai oleh jabatan/agensi negeri daripada Perlis, Kedah dan Perak.

Sesi libat urus ini adalah sebagai langkah persediaan bagi memenuhi aktiviti berkaitan pelaksanaan KPI Data Terbuka 2019 yang merangkumi 2 aspek iaitu Peningkatan Kualiti Set Data Terbuka dan Peningkatan Penggunaan Data Terbuka dalam portal Data Terbuka.

Selain itu, sesi ini juga bertujuan untuk memberi penerangan tentang kepentingan perkongsian data melalui perkhidmatan yang disediakan oleh MyGDX dan kepentingan SPLaSK dalam menyediakan mekanisme pemantauan secara digital yang komprehensif.



AUDIT PEMANTAUAN MS ISO/IEC 27001:2013 - ISMS

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) telah menghadapi audit pensijilan semula ISMS pada 4 dan 5 April 2019 oleh juruaudit SIRIM.

PSUKPP telah berjaya disijilkan semula untuk meneruskan ISMS bagi tempoh 12 April 2019 sehingga 11 April 2022. PSUKPP didapati telah melaksanakan ISMS dengan baik dan berkesan.

Pihak SIRIM mengesahkan bahawa tiada sebarang ketidakpatuhan (0 NCR) dan hanya 2 peluang penambahbaikan (2 OFI) diberikan kepada PSUKPP dalam audit SIRIM kali ini.

Tahniah diucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan PSUKPP yang terlibat dalam pelaksanaan ISMS di PSUKPP sepanjang tahun 2018 hingga Februari 2019.



KUNJUNGAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

BTMKN, PSUKPP telah menerima kunjungan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melihat hasil dan pelaksanaan Projek Big Data Analytics bagi Pemilikan Rumah Mampu Milik di Negeri Pulau Pinang.

BTMKN bersama Bahagian Perumahan telah membuat pembentangan kepada KPKT yang bertempat di Bilik Mesyuarat BTMKN, Tingkat 24 KOMTAR pada 3 Mei 2019.



MESUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN EMEL MYGOVUC DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Mesuarat ini diadakan bagi membincangkan pelaksanaan perkhidmatan emel Komunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGovUC) di SUK Pulau Pinang serta Jabatan/Agensi Negeri yang akan terlibat dalam perlaksanaan perkhidmatan emel ini.

Peralihan sepenuhnya perkhidmatan emel dari platform sedia ada kepada platform perkhidmatan MyGovUC telah dilaksanakan pada 28 November 2019 bermula jam 6.00 petang dan *live run* bermula pada 29 November 2019.



TAKLIMAT AGIHAN PROGRAM SEWAAN BAHARU KOMPUTER DAN NOTEBOOK UNTUK JABATAN-JABATAN NEGERI PULAU PINANG FASA 2 BAGI TAHUN 2019/ 2022

Taklimat ini diadakan bagi memberi penerangan berkaitan model komputer dan notebook sewaan, jadual penggantian, prosedur backup data pengguna dan harga jualan bagi komputer dan notebook lama.

PERTANDINGAN HACKATHON DATA TERBUKA 2019

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjuarai Pertandingan Hackathon Data Terbuka 2019 yang dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, bagi kategori Sektor Awam, melalui projek aplikasi GeoBencana.

Aplikasi yang dijajarkan dengan Sustainable Development Goals (SDG) berkaitan dengan skop Sustainable Cities and Communities dan Climate Action ini mengintegrasikan data bacaan semasa paras air sungai, paras hujan dan kelajuan angin daripada pelbagai sumber, di samping data lain seperti hotspot banjir, pusat pemindahan, pegawai dan agensi yang terlibat dengan bencana dalam paparan peta yang interaktif. Aplikasi GeoBencana kini boleh diakses melalui portal Penang GeoHub sejak 22 Oktober 2019.

PENANG OPEN DATA APPS CHALLENGE (PODAC)

Penang Open Data Apps Challenge (PODAC) 2019 merupakan program pertandingan yang terbuka kepada penjawat awam dan orang ramai untuk membangunkan produk berinovasi dengan menggunakan Data Terbuka Negeri Pulau Pinang. Program ini juga mempromosikan produk/inisiatif digital Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada umum. Program anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) ini telah bermula pada tahun 2018 dengan nama “24 Jam Hackathon Data Terbuka Pulau Pinang”.

Seramai 14 kumpulan telah menyertai PODAC 2019 dengan 8 kumpulan dari kategori awam dan 6 kumpulan dari kategori terbuka. Kumpulan PTGPP telah menjuarai bagi kategori awam dengan projek “MaiPenang” dan membawa pulang trofi serta hadiah wang tunai sebanyak RM5,000.00. Tempat kedua dan ketiga bagi kategori awam dimenangi oleh kumpulan I.R.D. dan IT Warriors. Masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak RM3,000.00 dan RM1,000.00.

Manakala bagi kategori terbuka, kumpulan Senthree telah berjaya menjadi juara dengan projek “SentourismPenang.my” dan memenangi trofi serta wang tunai RM5,000.00. Tempat kedua dan ketiga bagi kategori terbuka dimenangi oleh kumpulan Speedkode Technology dan The Fateh. Masing-masing juga menerima hadiah wang tunai sebanyak RM3,000.00 dan RM1,000.00.



SEMINAR KERAJAAN DIGITAL 2019

Seminar Kerajaan Digital 2019 telah berjaya dilaksanakan di Hotel The Light, Seberang Jaya, Pulau Pinang pada 19 November 2019 dengan jumlah penyertaan seramai 242 orang penjawat awam dari Jabatan/Agensi Negeri dan Persekutuan serta SUK Perlis, Kedah dan Perak. Tema seminar pada kali ini ialah “*Digitizing Government Towards Penang 2030*”.

Pada kali ini, seminar berlangsung selama setengah hari bermula dari jam 8.00 pagi hingga 1 petang dengan pengisian atur cara yang lebih ringkas namun padat dengan pengetahuan dan informasi teknologi terkini.

Para pemenang PODAC 2019 serta penghargaan kepada Jabatan Negeri dalam inisiatif ICT iaitu #AktifDigitalPgGov menerima hadiah daripada YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) yang mewakili YB. Setiausaha Kerajaan Negeri.



Galeri





B PEN

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI



SEKSYEN SEKTORAL

PROGRAM ROADSHOW PRA RANCANGAN MALAYSIA KE-12

Tarikh : 2 Ogos 2019

Lokasi : Hotel Jen, Pulau Pinang

Ringkasan : Objektif utama program tersebut adalah untuk membentangkan hala tuju pembangunan negara bagi tempoh RMKe-12 dan mendapatkan input daripada Kerajaan Negeri mengenai perancangan pembangunan negeri untuk diteliti dan dipertimbangkan dalam penulisan dokumen RMKe-12.

SEBERANG PERAI FIESTA

Tarikh : 25 hingga 29 September 2019

Ringkasan : Program tersebut merupakan program tahunan berskala mega dan dianjurkan khusus bagi mempromosikan bidang pertanian, penternakan dan perikanan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan telah mencatatkan rekod seramai 19,813 orang pengunjung berbayar.



SEKSYEN PENGANGKUTAN

MAJLIS PELANCARAN ADVOKASI KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2019

Tarikh : 29 Mei 2019

Lokasi : Shell Sama Gagah, Seberang Perai Utara

Ringkasan : Majlis dirasmikan oleh YB Dato' IR Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul, Timbalan Ketua Menteri 1. Turut hadir YB Goh Choon Aik, ADUN Bukit Tambun , Dato' Azhar bin Arshad, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkup Pengerusi MKJR Pulau Pinang dan wakil-wakil jabatan berkaitan keselamatan jalan raya.

MAJLIS PELANCARAN MODUL BAHARU PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA (PKJR) DAN ANUGERAH KELAB KESELAMATAN JALAN RAYA TERBAIK (KKJR)

Tarikh : 1 Oktober 2019

Lokasi : The Top, KOMTAR

Ringkasan : Majlis dirasmikan oleh TYT. Turut hadir ialah Ketua Pengarah JKJR Malaysia, wakil Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengangkutan Jalan, pihak polis dan lain-lain agensi yang berkaitan. Anugerah Kelab Keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri telah dimenangi oleh 5 buah sekolah menengah dan rendah di negeri Pulau Pinang.

SEKSYEN PENGANGKUTAN

PENANG LRT HUNT

Tarikh	: 27 Julai 2019
Ringkasan	: Penang <i>LRT Hunt</i> merupakan siri kedua anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Program yang mensasarkan 400 orang peserta ini bermula di <i>check point</i> pertama di Komtar dan berakhir di Tempat Letak Kereta Giant Hypermarket, Bayan Lepas. Program bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang awam berkenaan Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan juga mempromosikan mod pengangkutan awam yang terdapat di negeri Pulau Pinang.

MAJLIS HARI MEMPERINGATI MANGSA KEMALANGAN JALAN RAYA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2019

Tarikh	: 22 November 2019
Lokasi	: Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Timur Laut, Paras 51, KOMTAR
Ringkasan	: Program ini merupakan inisiatif oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertujuan memperingati mangsa kemalangan jalan raya di seluruh dunia. Program telah dihadiri oleh beberapa keluarga mangsa kemalangan jalan raya yang terpilih bagi menerima sedikit sumbangan khas daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Program turut dihadiri beberapa jabatan dan agensi berkaitan dengan keselamatan jalan raya seperti PDRM, JPJ, Jabatan Kesihatan Negeri dan lain-lain.

SEKSYEN PENGURUSAN DAN MAKLUMAT EKONOMI

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

- Tarikh : 6 Ogos 2019
- Lokasi : Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), KOMTAR
- Ringkasan : Delegasi Kerajaan Negeri Sembilan telah mengadakan lawatan Libat Urus ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN). Delegasi ini diketuai oleh YB Dr. Mohamad Rafie bin Ab Malek.

LAWATAN KERJA JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA KE BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)

- Tarikh : 12 September 2019
- Lokasi : Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), KOMTAR
- Ringkasan : Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah mengadakan satu lawatan ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (BPEN) pada 12 September 2019. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk menambahbaik Dasar Penambakan Laut Negeri Melaka dan ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai projek tambakan laut yang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



SEKSYEN PENGURUSAN DAN MAKLUMAT EKONOMI

LAWATAN BENCHMARKING OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

- Tarikh : 21 Oktober 2019
- Lokasi : Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), KOMTAR
- Ringkasan : Lawatan Benchmarking oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) bertujuan untuk mempelajari kaedah-kaedah perjanjian yang telah dipraktikkan terutama kaedah perjanjian bangun, guna, serah (*Built Operate Transfer*) serta perkongsian proses perancangan sesuatu pembangunan



RMH

BAHAGIAN PERUMAHAN



OPERASI PENGUNCIAN 11 UNIT PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) RUMAH PANGSA TAMAN MANGGIS

Tarikh	: 6 Mac 2019
Lokasi	: Projek Perumahan Rakyat (PPR) Rumah Pangsa Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin
Ringkasan	: Operasi pengosongan unit yang dijalankan adalah susulan daripada kegagalan mematuhi surat keputusan rayuan daripada Mesyuarat Penyelaras Tindakan Penguatkuasaan Bahagian Perumahan Bil.1/2019 iaitu 11 unit PPR Rumah Pangsa Taman Manggis.

GOTONG ROYONG DI RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK

Tarikh	: 27 April 2019
Lokasi	: Pusat Aktiviti Padang Tembak
Ringkasan	: Gotong Royong di Rumah Pangsa Padang Tembak

PROGRAM PASAR CO-OP

Tarikh	: 4 Mei 2019
Lokasi	: Perkarangan Masjid An-Nur Titi Teras

MAJLIS SUMBANGAN KEPADA ORANG KURANG BERKEMAMPUAN / UPAYA

Tarikh	: 15 Mei 2019
Lokasi	: Dewan Sri Pinang

Galeri



PROGRAM GOTONG-ROYONG ANJURAN TZU CHI

Tarikh	: 5 Jun 2019
Lokasi	: Gelanggang Bola Keranjang Rumah Pangsa Padang

PROGRAM HOME OWNERSHIP CAMPAIGN

Tarikh	: 20 - 23 Jun 2019
Lokasi	: Gurney Paragon
Ringkasan	: Program dirasmikan oleh YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa.

GOTONG ROYONG ANJURAN TZU CHI

Tarikh	: 13 Julai 2019
Lokasi	: Perkarangan Pasar Awam Rumah Pangsa Padang Tembak

PROGRAM GOTONG ROYONG

Tarikh	: 28 Julai 2019
Lokasi	: Rumah Pangsa Taman Tun Dr Awang
Ringkasan	: Anjuran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bagan Ajam Dengan Kerjasama MOSP, Persatuan Penduduk Taman Tun Dr Awang, Pejabat Rancangan Perumahan Taman Tun Dr Awang Dan Pasukan Bomba Sukarela Bagan Ajam

Galeri



GOTONG ROYONG DI RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK

Tarikh : 30 Julai 2019
Lokasi : Rumah Pangsa Padang Tembak
Ringkasan : Program Gotong-Royong Anjuran Tzu Chi

MEMBERSIHKAN HALANGAN

Tarikh : 1 Ogos 2019
Lokasi : Rumah Pangsa Paya Terubong
Ringkasan : Operasi halangan/barang terbiar

OPERASI BINAAN HARAM/REBAN AYAM

Tarikh : 9 Ogos 2019
Lokasi : Rancangan Perumahan Ampang Jajar
Ringkasan : Operasi pencerobohan binaan haram

OPERASI PENGUNCIAN UNIT KEDAI KN-04

Tarikh : 14 Ogos 2019
Lokasi : Rumah Pangsa Taman Free School
Ringkasan : Operasi penguncian kedai yang telah ditamatkan kontrak

LAWATAN TAPAK OLEH EXCO PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Lawatan Tapak oleh YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh pada 6 Ogos 2019 bagi Kerja Pembaikan 64 Unit Rumah di Barisan Akhir dan Kedua Akhir di Projek PAKR Taman Seri Desa, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah untuk memeriksa kemajuan projek pembangunan semula 64 unit rumah di barisan akhir dan kedua akhir di Projek PAKR Taman Seri Desa. Sebagai makluman, 64 unit perumahan di Taman Seri Desa ini akan dijadikan sebagai unit sewa beli.

Kerja-kerja pembaikan ditawarkan kepada syarikat Transbizz Network Sdn Bhd melalui tender terbuka dengan kos projek sebanyak RM 2,091,980.00. Tarikh milik tapak pada 12 Disember 2018 dan dijangka siap pada 12 November 2019. Kemajuan status fizikal sehingga 25 Julai telah mencapai 78 peratus.

Antara skop kerja dalaman yang berkaitan adalah menggantikan bumbung sedia ada, menggantikan bingkai tingkap, menggantikan pintu rumah, menggantikan juben tandas dan dapur, menggantikan siling sedia ada, menurap semula lantai ruang tamu, bilik, dapur dan kaki lima, mengecat dinding luar dan dalam, menggantikan barang-barang sanitari.

Manakala kerja luaran yang terlibat adalah membersih, membuang pokok dan tumbuh-tumbuhan dan kerja-kerja lain yang berkaitan, kerja pengujian paip sanitari dalaman serta penyelenggaraan sistem sanitari.



PROPERTY QUEEN EXPO

Tarikh : 23-25 Ogos 2019

Lokasi : Sunway Carnival

Ringkasan : Bahagian Perumahan pada 23-25 Ogos (Jumaat - Ahad) telah menjayakan Property Queen Expo bertempat di Sunway Carnival.

Program telah disempurnakan oleh YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa.



MAJLIS PERASMIAN PEJABAT SEKRETARIAT MUAFAKAT KOMUNITI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAMAN MANGGIS, GEORGE TOWN

Majlis disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan pada 9 November 2019.

Majlis turut dihadiri oleh KPSU-K Puan ‘Ainul Fadhilah Binti Samsudi, KPSU Encik Fakhurrazi Bin Ibnu Omar, PSK Encik Mohd Fauzy Bin Mohd Yusoff dan PSK Puan Nadzifah Binti Abdul Halim dari Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pertandingan mewarna kategori kanak-kanak turut dianjurkan bagi memeriahkan majlis.



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK OLEH EXCO PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANG BANDAR DAN DESA DI PPR TAMAN BAGAN JAYA, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

Majlis Penyerahan Projek bagi Kerja Membekal dan Memasang Empat Unit Lif di Blok A dan B PPR Taman Bagan Jaya serta Kerja Menaiktaraf Struktur Rangka Bumbung Sediada dirasmikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar dan Desa, YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh pada 19 November 2019.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh KPSU-K Puan ‘Ainul Fadhilah Binti Samsudi, KPSU Encik Fakhurrazi Bin Ibnu Omar, PSK Encik Mohd Fauzy Bin Mohd Yusoff dan PSK Puan Nadzifah Binti Abdul Halim dari Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kerja Membekal dan Memasang Empat Unit Lif di Blok A dan B PPR Taman Bagan Jaya dilaksanakan oleh kontraktor Dover Elevator Sdn Bhd dengan kos projek sebanyak RM 1,134,000.00 serta Kerja Menaiktaraf Struktur Rangka Bumbung Sediada dilaksanakan oleh kontraktor MABCR Enterprise dengan kos projek sebanyak RM 326,880.00.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI I-SANTORINI

Tarikh	: 9 Disember 2019 (Isnin)
Lokasi	: I-Santorini, Tanjung Tokong
Ringkasan	: Majlis penyerahan kunci ini diadakan di I-Santorini, Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut, George Town pada 9 Disember 2019.
Majlis dirasmikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar dan Desa, YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh dan turut dihadiri oleh, KPSU Encik Fakhurrazi Bin Ibnu Omar dari Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	

MAJLIS PERASMIAN LIF

Tarikh	: 12 Disember 2019 (Khamis)
Lokasi	: Blok 98, Perumahan Bukit Dumbar
Ringkasan	: Majlis Perasmian Lif yang telah dibuat penambahbaikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar dan Desa, YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh dan diiringi oleh YB. Lim Siew Khim, ADUN Sungai Pinang.
Majlis tersebut turut dihadiri oleh PSK Encik Mohd Fauzy Bin Mohd Yusoff dan PSK Puan Nadzifah Binti Abdul Halim dari Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	

Galeri





BKT

BAHAGIAN KERAJAAN
TEMPATAN



PLOGGING FOR A CLEANER GREENER PENANG

Plogging@Moongate bertujuan sebagai aktiviti pendidikan anjuran Unit Pengurusan Sisa Pepejal untuk membudayakan kebersihan dikalangan pendaki bukit Point 5, Bukit Bendera di Moongate, Jalan Kebun Bunga. Pendaki-pendaki digalakkan untuk membersihkan kawasan sambil mendaki sepanjang laluan dari tapak bermula di Moongate, Taman Botani ke Point 5, Bukit Bendera.



Seramai 150 kakitangan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan orang awam telah mendaftar dan mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Aktiviti ini bermula dengan taklimat oleh Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal serta penyerahan sijil penghargaan Kerajaan Negeri kepada pendaki Point 5 kerana komitmen untuk menjaga kebersihan dan melindungi alam sekitar.



PROGRAM ADVOKASI MASYARAKAT PENANG: BEYOND SMART GOVERNMENT & SMART NETWORK FOR A BETTER WORLD

Program Advokasi Masyarakat ini diadakan pada 12 Mac 2019 bertempat di Hotel Equatorial, Bukit Jambul. Tujuan program diadakan adalah untuk berkongsi perkara-perkara berkaitan bandar pintar dan telekomunikasi di negeri Pulau Pinang kepada jabatan / agensi / pemain industri dalam pelaksanaan Bandar Pintar Negeri Pulau Pinang bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2025.

Melalui program ini jabatan / agensi / pemain industri dapat mempelajari dan membuat penambahbaikan bagi pelaksanaan Bandar Pintar Negeri Pulau Pinang bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2025.



SESI KUNJUNGAN HORMAT KEPADA YB MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)

Sesi ini diharap dapat memberi penambahbaikan dalam perkara-perkara berkaitan telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang melalui sesi kunjungan hormat ini untuk pelaksanaan Bandar Pintar bertaraf antarabangsa menjelang Tahun 2025.



MAJLIS PELANCARAN SISTEM TEMPAT LETAK KERETA SECARA PINTAR DI NEGERI PULAU PINANG (*PENANG SMART PARKING*)

Majlis pelancaran ini diadakan pada 18 Ogos 2019 di Gat Lebuh China, George Town. Tujuan majlis adalah bagi menyampaikan maklumat kepada rakyat Negeri Pulau Pinang serta orang ramai mengenai Sistem Tempat Letak Kereta Secara Pintar (*Penang Smart Parking*) yang akan dilaksanakan mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan.



PERSIDANGAN ANTARABANGSA *CITIES 4.0*- *UNLOCKING FUNCTIONAL & SUSTAINABLE CITIES FOR ALL*

Persidangan ini dapat meningkatkan imej Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui pendedahan insiatif-insiatif Negeri Pintar yang telah dilaksanakan oleh pelbagai jabatan / agensi di Negeri Pulau Pinang.



PROGRAM PENANG SMART ROADSHOW 1.0 DAN SMART CITIES ASIA 2020-NATIONWIDE TECH-TALK

Penjawat awam dan orang ramai yang hadir ke program tersebut dapat mengetahui dan memahami inisiatif-inisiatif Negeri Pintar yang telah dilaksanakan oleh Negeri Pulau Pinang dan dapat mempelajari inisiatif-inisiatif di negara luar melalui perkongsian oleh penceramah antarabangsa.



LAWATAN RASMI EXCO KERAJAAN NEGERI DAN AHLI JAWATANKUASA KEMPEN PULAU PINANG BERSIH KE MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Lawatan kerja yang diadakan pada 1 Oktober 2019 ini adalah untuk mempelajari dan menimba pengalaman sempena pencapaian Majlis Perbandaran Taiping (MPT) memenangi tempat ketiga dalam Anugerah 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia.

Semasa lawatan pada 1 Oktober 2019, YB Exco dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana Kempen Pulau Pinang Bersih telah dibawa untuk melawat Zoo Taiping yang merupakan salah satu destinasi yang mempunyai kriteria-kriteria dan kelebihan yang ada pada MPT untuk memperolehi kejayaan Top 100 Sustainable Destination in the World.

Zoo ini mempunyai lebih 1300 haiwan di dalam kawasan lebih 30 ekar. Kebanyakan haiwan diletakkan dalam habitat besar tersendiri dan ia bebas bergerak dalam lingkungan yang luas. Kawasan sungai, paya dan tasik juga dibiarkan melalui kawasan zoo, menjadikan zoo tersebut kelihatan semulajadi.



Lawatan diteruskan dengan satu taklimat ringkas oleh Dr. Kevin Lazarus, Pengarah Zoo Taiping & Night Safari mengenai kriteria-kriteria yang perlu ada semasa penilaian Sustainable Destination in the World dijalankan.





MSN

MAJLIS SUKAN NEGERI
PULAU PINANG



FUNGSI BAHAGIAN

SEKSYEN PENGURUSAN & KEWANGAN

Menguruskan hal ehwal pengurusan dan kewangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang merangkumi pengurusan menyeluruh terhadap operasi pentadbiran, pengurusan kenderaan, pusat latihan sukan, pengurusan acara beserta penyelarasan program sukan berbentuk komuniti dan penyertaan masyarakat.


SEKSYEN ATLET & SAINS SUKAN

Merancang, melaksana dan menyelaras program penyediaan atlet-atlet berprestasi tinggi dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri & agensi-agensi sukan yang berkaitan dalam memperkasakan penyediaan atlet-atlet negeri untuk diketengahkan di temasya sukan kebangsaan dan meningkatkan keberhasilan atlet-atlet cemerlang negeri sebagai 'feeder' kepada atlet kebangsaan.


SEKSYEN PEMBANGUNAN SUKAN

Merancang, melaksana dan menyelaras program-program pembangunan kejurulatihan, kepegawaian dan organisasi sukan di seluruh Negeri Pulau Pinang melibatkan Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Timur Laut dan Barat Daya di Negeri Pulau Pinang.

JUMLAH JURULATIH 2019 MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG



JUMLAH ATLET DI BAWAH MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG



SIMPOSIUM SAINS SUKAN 2019

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan Simposium Sains Sukan 2019 pada 26 hingga 27 Januari 2019 di Auditorium PYDC, Pulau Pinang. Simposium tersebut berjaya menyambut seramai 170 orang yang merangkumi peserta dari pihak swasta dan awam.


Dengan tema “Unleashing Sports Science in Building Champions”, simposium tersebut bertujuan untuk meningkatkan dan melengkapkan peserta dengan pengetahuan sains sukan yang praktikal dan spesifik kepada sukan berprestasi tinggi dengan matlamat untuk membangunkan lebih atlet elit. Simposium tersebut juga berhasrat untuk berfungsi sebagai satu platform rangkaian kepada peserta untuk bertukar pandangan sesama sendiri.



SIMPOSIUM SAINS SUKAN 2019 (samb.)

Pihak Majlis amat bersyukur kepada barisan penceramah jemputan yang telah sudi menyumbang dari segi masa, ilmu dan pengalaman mereka untuk symposium tersebut. Barisan penceramah jemputan yang hadir terdiri daripada :

- Y.Bhg. Dato' Dr. Ramlan Abdul Aziz, Perunding Pakar dalam Perubatan Sukan
- Y.Bhg. Dato' Sieh Kok Chi, Bekas Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia
- Col. (NS) Syed Abdul Malik Aljunied, Singapore Sports Institute
- Dr. Irwin Seet, Singapore Sports School
- Mr. Suhardi Bin Alias, Majlis Sukan Negara
- Dr. Kok Lianyee, Universiti Putra Malaysia
- Dr. Ooi Cheong Hwa, Universiti Sains Malaysia
- Dr. Garry Kuan Pei Ern, Universiti Sains Malaysia
- Mr. Joerg Teichmann, Institut Sukan Negara



SIMPOSIUM SAINS SUKAN 2019 (samb.)

Topik-topik yang dibentangkan oleh para penceramah termasuk topik berkaitan psikologi dan kekuatan mental, periodisasi, prinsip kejurulatihan, pengurusan sukan dan pencegahan kecederaan, nutrisi dan kaedah menguji dan menilai prestasi atlet. Di samping sesi pembentangan oleh para penceramah, peserta juga diberikan peluang sesi soal jawab. Interaksi di antara para peserta dengan penceramah amat positif menunjukkan minat dan keinginan peserta untuk menyerap pengetahuan.



Simposium Sains Sukan 2019 berjaya dilaksanakan dengan sambutan yang positif. Pihak Majlis berhasrat untuk menganjurkan simposium seperti ini setiap tahun untuk mempromosikan kepentingan pembangunan diri yang berterusan.

UJIAN KECERGASAN FIZIKAL ATLET SUKAN MALAYSIA FASA 1

Program Ujian Kecergasan Fizikal adalah program tahunan yang dianjurkan oleh pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk dijalankan kepada semua atlet dan pasukan yang menyertai Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA).

Ujian Kecergasan Fizikal Fasa 1 ini telah dijalankan pada 25 Februari sehingga 10 Mac 2019 bertempat di Stadium Mini USM. Pihak MSNPP telah bekerjasama bersama pihak Pusat Sukan USM bagi persediaan tempat dan kemudahan program ini.

Sesi ujian ditetapkan kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Sesi pagi dimulakan seawal jam 7.30 pagi manakala sesi petang bermula pada jam 4.30 petang.

Sesi ini ditempah oleh jurulatih sukan masing – masing mengikut jadual yang diberikan. Setiap sesi adalah terhad kepada 30 orang atlet sahaja bagi mengelakkan masalah teknikal dan jangkamasa yang bersesuaian.



Pendaftaran Atlet & Pengisian Borang Ujian Individu serta Borang Persetujuan & Kaji Selidik



UJIAN KECERGASAN FIZIKAL ATLET SUKAN MALAYSIA FASA 1 (samb.)

Terdapat 25 sukan yang telah terlibat semasa Ujian Kecergasan Fizikal Fasa 1 iaitu melibatkan kehadiran seramai 369 atlet. Antara sukan yang terlibat bagi Fasa 1 ini adalah seperti senarai pada Jadual 1.

SUKAN	JUMLAH ATLET	SUKAN	JUMLAH ATLET
1. Bola Sepak	26	13. Karate Kumite	2
2. Hoki (L&W)	32&21	14. Silat (Olahraga & Seni)	5&3
3. Bola Tampar (L&W)	17&35	15. Wushu	11
4. Bola Baling (L&W)	2&8	16. Sanda	1
5. Bola jaring	20	17. Angkat Berat	3
6. Ragbi (L&W)	25&25	18. Sepak Takraw (W)	29
7. Judo	12	19. Gimnastik	9
8. Petanque	16	20. Gimrama	5
9. Boling Padang	6	21. Perahu Layar	3
10. Squash	13	22. Menembak	6
11. Tinju	8	23. Memanah	13
12. Muay	8	24. Tenpin Boling	5

Jadual 1: Kehadiran Atlet Bagi Ujian Kecergasan Fizikal Fasa 1



Ujian 'Inbody' direkod selepas mengukur ketinggian atlet

Setiap sesi ujian akan dimulakan dengan agihan borang persetujuan dan kaji selidik bagi mengenalpasti atlet yang mempunyai masalah kesihatan atau kecederaan. Atlet yang mengalami masalah kesihatan atau kecederaan akan dinasihatkan untuk tidak menjalankan ujian pada hari tersebut. Manakala bagi atlet yang sihat, mereka akan memulakan ujian dengan mengambil ukuran tinggi dan berat. Ujian komposisi tubuh badan ini ditambah dengan ujian 'Inbody' iaitu salah satu ujian 'BIA'.



UJIAN KECERGASAN FIZIKAL ATLET SUKAN MALAYSIA FASA 1 (samb.)

Melalui ujian ini, tahap kecergasan fizikal atlet melalui komposisi tubuh badan dapat dinilai dan ujian ini juga bertujuan untuk mengukur tahap berat badan ideal yang sesuai seseorang atlet mengikut sukan masing - masing.

Pegawai pemakanan sukan MSNPP akan mengetuai sesi ujian ini dimana atlet dipastikan untuk melalui proses ujian yang ditetapkan. Keputusan ujian terus dicetak serta merta dan akan dianalisa semasa proses pengumpulan data.



Sesi mengukur ketinggian atlet menggunakan alat 'Seca' yang ditetapkan



Sebelum memulakan sesi ujian pemanasan tubuh badan dan regangan dinamik akan dijalankan kepada atlet sebelum ujian dijalankan.

Sesi regangan otot atlet sukan ragbi

Selepas ujian dijalankan, semua atlet diminta untuk membuat regangan statik sebelum bersurai. Data ujian kecergasan fizikal yang telah dianalisa telah dibentangkan didalam mesyuarat JKK MSNPP dan Salinan dihantar kepada persatuan, jurulatih dan pegawai pembangunan sukan untuk rujukan masing – masing.

KOMPONEN KECERGASAN	JENIS UJIAN KECERGASAN
1. Kelenturan	Duduk & Jangkau
2. Ketangkasan	Illinois
3. Kuasa	Lompat Tinggi Lompat jauh
4. Kekuatan Genggaman	Genggaman Tangan Dynamometer
5. Kepantasan	Lari Pecut 10m & 20m
6. Ketahanan Kekuatan Otot	Tekan Tubi Maksima Bangkit Tubi 1minit
7. Ketahanan jantung	Ujian YoYo Endurance

Komponen kecergasan & jenis ujian yang ditetapkan



KEJOHANAN SOFBOL KEBANGSAAN 2019

Dihadiri dan dirasmikan oleh YB Soon Lip Chee, Exco Belia & Sukan.

Kejohanan yang berlangsung dari 28 hingga 31 Mac 2019 bermula pada pukul 8.00 pagi dan disertai oleh pemain-pemain yang datang dari negeri – negeri berhampiran untuk memeriahkan kejohanan.

Sebanyak 21 Pasukan menyertai Piala Sofbol Pulau Pinang, 10 Pasukan Lelaki, 5 Pasukan Wanita & 6 Pasukan Remaja U21 yang telah mengambil bahagian.



MAJLIS ANUGERAH SUKAN 2017/2018

Majlis Anugerah Sukan 2017/2018 telah berlangsung gilang-gemilang dengan jayanya pada 13 April 2019 bertempat di The Wembly Hotel, Pulau Pinang. Anugerah Sukan yang dilangsungkan pada tahun ini merupakan pencalonan secara dwi-tahunan untuk kejayaan yang telah dicapai pada tahun 2017 dan 2018 secara serentak.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff.



MAJLIS ANUGERAH SUKAN 2017/2018 (samb.)

Antara tetamu kehormat yang turut menghadiri majlis ini adalah YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB. Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan YB. Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Sebanyak 10 anugerah telah disampaikan kepada pemenang-pemenang yang terpilih menerusi kejayaan cemerlang dalam sukan yang diceburi sepanjang tahun 2017 dan 2018.



LAWATAN MSNPP KE NEGARA JEPUN

Lawatan diadakan pada 30 Mei hingga 6 Jun 2019. Lokasi yang dikunjungi adalah Okayama dan Tokyo.

Satu memorandum persahabatan (MOU) sukan Judo di antara Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan Universiti Okayama telah ditandatangani oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Universiti Okayama Shoka pada 31hb Mei 2019 di Universiti Okayama Shoka, Jepun.

Tujuan MOU ini adalah bagi meningkatkan lagi prestasi pasukan Judo negeri Pulau Pinang bagi penyertaan dalam Temasya Sukan Malaysia XX di Johor pada tahun 2020 dan masa akan datang.



PERTANDINGAN SUKAN KARNIVAL OLIMPIK 2019

Bersempena perayaan Hari Olimpik Sedunia tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MMK Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah diberi penghormatan oleh Majlis Olimpik Malaysia untuk menganjurkan Karnival Olimpik Pulau Pinang 2019.

Selain daripada ‘Family Fun Walk’ dan Majlis Perayaan Hari Olimpik Sedunia yang diadakan pada 23 Jun 2019 di Padang Kota Lama, Pulau Pinang, pertandingan sukan-sukan seperti Badminton, Bola Tampar, Speak Takraw dan Tenpin Bowling juga telah dianjurkan.



MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL OLIMPIK PULAU PINANG 2019 BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI OLIMPIK SEDUNIA 2019

Karnival Olimpik Pulau Pinang 2019 telah berjaya dianjurkan secara gilang gemilang pada 23 Jun 2019 bertempat di Padang Kota Lama. Seramai lebih daripada 10,000 orang peserta telah menyertai acara Jalan Kaki 5km Berkeluarga (*Family 5km Funwalk*) yang dianjurkan selain keberlangsungan acara sukan mini olimpik seperti hoki, olahraga, woodball, bolasepak, gimnastik, sepak raga dan juga catur gergasi yang menyemarakkan sambutan Hari Olimpik Sedunia pada masa yang sama.



MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL OLIMPIK PULAU PINANG 2019 BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI OLIMPIK SEDUNIA 2019

Selain daripada acara sukan yang dilaksanakan, masyarakat Pulau Pinang turut berpeluang menyaksikan larian obor yang disempurnakan oleh bekas atlet-atlet Pulau Pinang yang telah mengharumkan nama negara di sukan Olimpik merangkumi Safarudin Zain, bekas atlet berbasikal negara yang bertanding di Tokyo 1964 , Datuk Krishnan Tambu, bekas atlet olahraga yang bertanding di Mexico 1968 dan Munich 1972, Jiwa Mohan bekas pemain hoki yang bertanding di Sydney 2000, Cheng Chu Sian, bekas atlet memanah yang bertanding di Beijing 2008 dan London 2012, juara badminton perempuan perseorangan Olimpik remaja dunia di Buenos Aires 2018 Goh Jin Wei, Chan Peng Soon pemenang pingat perak beregu campuran badminton di Olimpik Rio de Janeiro 2016 dan lagenda badminton negara Dato' Wira Lee Chong Wei.



MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL OLIMPIK PULAU PINANG 2019 BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI OLIMPIK SEDUNIA 2019

Kemuncak karnival pada malam tersebut adalah Penyalaan 'Olympic Flames' beserta kiraan detik baki (Countdown) 397 hari ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang mana Sukan Olimpik Tokyo 2020 merupakan acara sukan antarabangsa yang dianjurkan 4 tahun sekali mengikut tradisi Sukan Olimpik. Bandaraya Tokyo telah diumumkan sebagai tuan rumah semasa Sesi IOC ke-125 di Buenos Aires pada 7 September 2013.

Tokyo sebelum ini pernah menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Musim Panas pada tahun 1964 dan merupakan bandaraya kelima untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Musim Panas lebih daripada sekali.

Sambutan karnival ini telah diakhiri dengan pertunjukan bunga api berdurasi selama 3 minit pada penghujung acara yang memukau dan menarik perhatian semua hadirin.



51st SINGAPORE INTERNATIONAL OPEN 2019

Kejohanan Antarabangsa anjuran Persekutuan Bowling Singapura di Singapore Bowling, Temasek Club, Singapura. Persatuan Tenpin Bowling Pulau Pinang telah menghantar beberapa atlet skuad latihan SUKMA Tenpin Bowling ke kejohanan tersebut sebagai jalan persediaan ke Sukan Malaysia (SUKMA) 2020 di Johor nanti.

Negeri Pulau Pinang, melalui atlet Megat Zaqrul Haiqal bin Megat Zairudin telah Berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang dengan pungutan pingat perak dalam kategori remaja lelaki terbuka dengan purata 210.3. Tempat pertama didahului oleh atlet dari Filipina, Merwin Tan dengan purata 210.9.

Ini merupakan satu pencapaian yang cemerlang memandangkan ia adalah satu kejohanan antarabangsa dengan penyertaan yang cukup positif dari negara Jepun, Thailand, Filipina, Korea, Indonesia, Hong Kong, Australia dan lain-lain.



LATIHAN BERSAMA PASUKAN CHINESE TAIPEI / PENANG / BATAM & TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

Persatuan Tinju Amator Taipei City dan Persatuan Tinju Pulau Pinang serta kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan program latihan bersama bermula pada 8 hingga 15 Julai 2019 bertempat di Pusat Gelanggang Tinju Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

Program ini melibatkan seramai 33 orang peninju lelaki dan wanita dari Negara Chinese Taipei, 6 peninju dari Batam, Indonesia dan 9 orang peninju dari Tentera Laut Di Raja Malaysia.



KEJOHANAN SEPAKTAKRAW REMAJA KEBANGSAAN PSM TAHUN 2019

Kejohanan yang berlangsung di Taman Keramat AU2, Kuala Lumpur 2019.

Pada kejohanan tersebut, Pasukan Sepaktakraw Remaja Pulau Pinang telah diundi Bersama Pasukan Melaka dan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSMTI), Bandar Penawar di dalam kumpulan B, Kumpulan tersebut telah diungguli SSTMI dan Pulau Pinang menjadi Naib Johan Kumpulan B dan seterusnya layak ke peringkat suku akhir bertemu Juara Kumpulan A iaitu Negeri Terengganu yang merupakan musuh tradisi Pasukan Pulau Pinang.



PAMERAN FIT MALAYSIA 2019

'MSN FIT CHALLENGE'

Pameran dan acara ‘Fit Challenge’ yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang pada 21 dan 22 Julai telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelawat, orang awam dan peserta Fit Malaysia 2019.

Program tahunan anjuran pihak KBS di Pulau Pinang kali ini telah diadakan di Stadium MPSP Jalan Betek, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dengan cogan kata ‘Let’s Get Fit’.

Pameran dan acara ini dijalankan seawal jam 7 pagi sehingga pukul 5 petang. Peserta pada hari kedua bertambah ramai kerana terdapat acara larian ‘Fun Run (5km)’ dan kayuhan ‘Fun Ride (30km)’ yang diadakan seawal jam 6.30 pagi.



SUKAN UNTUK SEMUA (SPORTS FOR ALL)

Bersempena dengan program ‘Sukan Untuk Semua’, MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dengan bantuan teknikal daripada Persatuan-Persatuan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan pertandingan sukan-sukan mengikut bulan yang telah ditetapkan.

Semua pertandingan tersebut dianjurkan bertujuan untuk memperkasakan penglibatan golongan belia dalam usaha mencungkil bakat-bakat baru bagi setiap sukan. Antara sukan-sukan yang terlibat adalah seperti sukan Wushu, Bola Keranjang, Bola Baling, Floorball, Bola Jaring dan banyak lagi.



UKKI

UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT & INOVASI



MAJLIS PERJUMPAAN YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PULAU PINANG

'Majlis Perjumpaan YB. Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang Bersama Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Persekutuan Dan Badan Berkanun' telah disempurnakan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Bin Darus. Majlis yang diadakan di Grand Ballroom, The Top pada 9 November 2019 dihadiri oleh 1500 orang.



BICARA EKSEKUTIF

BIL. 1/2019

“EMOTIONAL INTELLIGENCE & SELF-ESTEEM TOWARDS AN EMOTIONALLY INTELLIGENCE EMPLOYEES & CLIENTS”

Program Bicara Eksekutif Bil. 1/2019 telah diadakan pada 28 Februari 2019 (Khamis) bertempat di Dewan Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Penceramah yang dijemput adalah Dr Rizal Bin Abu Bakar. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) dalam bidang Psikologi Klinikal dari Australian National University (ANU), Australia dan pernah berkhidmat sebagai pakar psikologi di beberapa hospital dan universiti di Australia serta bergiat aktif sebagai pakar psikologi selama 21 tahun.

Program ini bertemakan “*Emotional Intelligence & Self-Esteem Towards An Emotionally Intelligence Employees & Clients*”. Tema dipilih selaras dengan penemuan melalui kajian umum yang dijalankan terhadap penjawat awam di mana simptom-simptom seperti kurang fokus di tempat kerja, kelenguhan badan, insomnia, mudah lupa, tekanan kerja, tidak kreatif, tidak bermaya, gugup, runsing, masalah saraf, migrain, mengantuk ketika bekerja menunjukkan tahap pengendalian stres perlu ditingkatkan agar kesejahteraan minda dapat dialami dan seterusnya kebijaksanaan dalam mengendalikan stres dapat ditingkatkan.



Galeri



BICARA EKSEKUTIF

BIL. 2/2019

“FLAWLESS LEADERSHIP”

Program Bicara Eksekutif Bil. 2/2019 telah diadakan pada 10 September 2019 hari Selasa bertempat di Auditorium A, Paras 5, KOMTAR dengan bilangan peserta seramai 250 orang.

Encik Mohd Faizul Ikhwan Erusan Bin Abdullah, Pengurus dan Tenaga Pengajar dari Success Touch Enterprise dijemput sebagai penceramah kerana beliau berpengalaman dalam bidang pembangunan insan, perundingan dan penyelidikan.

Walaupun beliau memiliki Diploma dalam bidang lain iaitu Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, beliau telah banyak menghadiri pelbagai kursus Pembangunan Sumber Manusia serta telah mengendalikan latihan selama lebih 10,000 jam kepada lebih 30,000 ribu peserta dari dalam dan luar negara.

Tajuk “Flawless Leadership” yang dipilih untuk program ini membawa maksud kepimpinan yang sempurna dari salah satu sifat keperibadian yang tidak ternilai dalam membantu kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Ia merupakan pelaksanaan kepimpinan yang sempurna didefinisikan dengan proses pencapaian matlamat organisasi dengan kepimpinan dan kemahiran pelaksanaan semua pemimpin dalam sebuah organisasi.



Galeri



COFFEE TALK

BIL. 1/2020

"THINK SMART DELIVER EFFECTIVELY"

Tuan Haji Mohamed Izam Bin Mohamed Yusof, CEO Kumpulan Media Karangkraf telah dijemput untuk memberi ceramah bertajuk '**Think Smart Deliver Effectively**' pada 1 Ogos 2019 bertempat di Pen Mutiara Restaurant, Bayan Lepas.

Konsep program kali ini adalah pecambahan ilmu secara santai disamping menjalankan hubungan networking di kalangan pegawai.

Penceramah dipilih kerana pengalaman beliau yang lama dalam bidang bidang kewangan, pengurusan kontrak, sumber manusia, pengurusan risiko dan pengurusan audit.

Beliau juga pernah berkhidmat di subsidiari Tabung Haji selama 17 tahun dan beliau juga adalah merupakan orang yang membangunkan jenama "TAHA" untuk Tabung Haji.



COFFEE TALK

BIL. 2/2020

"THE POWER OF VOICE"

Dato' Haji Aznil bin Nawawi atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Nil telah dijemput untuk memberi ceramah bertajuk "**The Power of Voice**" bertempat di Kompleks Tabung Haji Pulau Pinang. Program yang diadakan pada 21 November 2019 ini dihadiri 350 orang peserta dari pelbagai Jabatan Negeri dan Jabatan Persekutuan.

Tajuk "**The Power of Voice**" yang dipilih untuk program kali ini membawa maksud melahirkan pelapis bijak bersuara, berdebat dan mampu untuk mengupas sesuatu isu dengan minda yang kritis dan berperanan melahirkan pegawai-pegawai yang bijak menyuarakan pendapat secara beretika dan tatasusila.

Ia bertujuan untuk membantu, melatih dan membimbing pegawai-pegawai masa kini untuk memiliki personaliti diri yang hebat, bertaraf dunia dan mengetengahkan bakat dan kreativiti terkini dalam kemahiran berkomunikasi.

Aktiviti sepanjang program dijalankan secara santai dengan menghidupkan semula perbincangan matang secara empat mata dan mengajar pegawai-pegawai yang agak lemah berinteraksi dengan baik ketika berdepan dengan khalayak.

Dengan era ledakan komunikasi digital yang pesat berkembang, pentingnya pegawai-pegawai diingatkan mengenai keperluan menjaga budi bahasa, cara pertuturan selain etika di alam maya.



Galeri



The Power of Voice

Coffee Talk - Pak Mu

Kompleks Jabung Haji Bayan Lepas

21 November Khamis 2019

Dadar Online Embas QR Code

Individual Program

PENDAFTARAN JAMUAN RINGAN
KETIBAAN TETAMU VIP
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN
NEGERI PULAU PINANG

8:00 am
8:45 am

BACAAN DOA
CERAMAH : THE POWER OF VOICE
DATUK HAJI AZNIL HAJI NAWAWI
SESI SOAL JAWAB
MAKAN TENGAH HARI / BERSURAI

8:50 am
9:00 am
12:30 T/Hari

Ongurusan Bejana

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN INOVASI &
SEKSYEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN
NEGERI PULAU PINANG
www.penang.gov.my
spmi@penang.gov.my
[@epengurusanlatihan](https://www.facebook.com/epengurusanlatihan)



SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019

Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 telah berlangsung dengan jayanya pada 12 November 2019 (Selasa) bertempat di Auditorium C, Paras 5, KOMTAR (Perasmian) dan Ruang Konkos, Tingkat 3, KOMTAR (Pameran Inovasi). Majlis ini disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ahmad Rizal Bin Mohd Hanapiah, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Sambutan pada tahun ini turut dimeriahkan dengan booth pameran Inovasi daripada 16 Jabatan / Agensi Negeri / Persekutuan / Swasta. Ceramah inovasi disampaikan oleh Encik Ranyold Cladius dari Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan tajuk Ideas Into Reality.

Majlis diserikan lagi dengan penyampaian hadiah untuk Kumpulan Inovatif dan Keratif (KIK), Anugerah Inovasi Kerajaan negeri Pulau Pinang (AIKNPP) dan Pertandingan Innovation Blast.



KURSUS BAHASA INGGERIS 2019

ENGLISH COURSES

2019

COMMUNICATION SKILLS WORKSHOP
RESOURCE CENTRE,KOMTAR

SPEAKING & WRITING SKILLS WORKSHOPS
RESOURCE CENTRE,KOMTAR

BUSINESS WRITING WORKSHOP
RESOURCE CENTRE,KOMTAR

CUSTOMER CARE WORKSHOP
RESORCE CENTRE,KOMTAR

GRAMMAR WORKS WORKSHOP
GRAMMAR WORKS WORKSHOP (ADVANCED)
RESOURCE CENTRE,KOMTAR

ENGLISH IN ACTION 1
ENGLISH IN ACTION 2
ENGLISH IN ACTION 3
RESOURCE CENTRE,KOMTAR

BETTER COMMUNICATION WORKSHOP
RESOURCE CENTRE,KOMTAR

6TH OH MY SPELLING! COMPETITION

10TH PUBLIC SPEAKING CONTEST

CONTACT US FOR MORE INFO

Ms Yeap (04-6505608)
Ms Amira (04-6505748)



Galeri



Galeri





UI

UNIT INTEGRITI



PROGRAM BICARA INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM SIRI 1 TAHUN 2019

Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam yang diadakan pada 31 Januari 2019 bertempat di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) merupakan sebuah platform terbaik untuk para pegawai meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai pengurusan perkhidmatan awam yang asas seperti pengurusan perolehan, kewangan, aset, stor, pengurusan pentadbiran am dan pengurusan sumber manusia melalui perkongisan penemuan audit dan siasatan kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam Siri 1 Tahun 2019 kali ini bertajuk "Salah Guna Dadah : Seronok Sampai Bila?".

Objektif program adalah untuk membimbing dan membendung penjawat awam daripada melakukan kesilapan atau sebarang pelanggaran undang-undang dalam melaksanakan pengurusan pentadbiran Kerajaan terutamanya melibatkan kewangan, prosedur kerja, etika dan kelakuan. Melalui pendedahan yang diberikan daripada penceramah jemputan, para peserta turut



mendapat kesedaran dan mesej bahawa pentadbiran awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti melalui pembudayaan dan amalan kerja yang betul serta beretika.



PROGRAM BICARA INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM SIRI 1 TAHUN 2019 (samb.)

Peserta-peserta adalah daripada kalangan gred 11 hingga gred 48 pelbagai skim. Kehadiran peserta adalah seramai 180 orang yang terdiri daripada pelbagai bahagian/ unit SUK Pulau Pinang dan Jabatan Negeri.

Kesimpulannya, melalui program ini para pegawai dapat membendung daripada melakukan kesilapan atau sebarang bentuk pelanggaran undang-undang dalam pelaksanaan pengurusan pentadbiran Kerajaan terutamanya melibatkan kewangan, prosedur kerja dan etika dan tatakelakuan. Program ini akan mewujudkan pentadbiran awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan amalan kerja yang betul dan beretika.



KURSUS 1st CLASS INTEGRITY

Penganjuran Kursus 1st Class Integrity adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran terhadap keperluan dan kepentingan integriti dalam tindakan seharian termasuklah urusan penyampaian perkhidmatan.

Selain itu, kursus ini akan merangsang motivasi dalaman para peserta untuk menjadi insan yang berkualiti dan unggul. Kursus 1st Class Integrity Siri 1 Tahun 2019 telah diadakan selama dua hari iaitu pada 25 hingga 26 Mac 2019 bertempat di Tabung Haji Hotel, Bayan Lepas.

Peserta-peserta adalah daripada kalangan gred 11 hingga gred 52 pelbagai skim. Kehadiran peserta adalah seramai 50 orang yang terdiri daripada pelbagai bahagian / unit SUK Pulau Pinang dan Jabatan Negeri.

PROGRAM TAHSIN INTEGRITI SIRI 1 TAHUN 2019

Program Tahsin Integriti Siri 1 Tahun 2019 telah diadakan pada 13 Mei 2019 (Isnin) bersamaan 8 Ramadhan bertempat di Ballroom The Top, KOMTAR. Bagi program kali ini, Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah menjemput Tuan Mohd Sukur Bin Ibrahim iaitu penceramah bebas yang sering muncul dikaca televisyen menyampaikan ceramah motivasi.

Penceramah kali ini telah berkongsi mengenai 'Integriti : Hentikan Alasanmu'. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan, kesedaran dan bimbingan kepada para peserta mengenai kepentingan integriti dalam kehidupan seharian. Peserta program juga dapat menjadikan program ini medium untuk pengisian dan penambahbaikan integriti melalui rohani, spiritual dan personaliti para peserta untuk menjadi insan yang berintegriti. Program ini telah dihadiri oleh 300 orang peserta dari pelbagai Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Negeri.

PROGRAM BICARA INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM SIRI 2 TAHUN 2019

Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam merupakan sebuah platform terbaik untuk para pegawai meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai pengurusan perkhidmatan awam yang asas seperti pengurusan perolehan, kewangan, aset, stor, pengurusan pentadbiran am dan pengurusan sumber manusia melalui perkongisan penemuan audit dan siasatan kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sehubungan dengan itu, Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam Siri 2 Tahun 2019 bertajuk 'Badi Baju Oren' telah diadakan pada 1 Ogos 2019 (Khamis) bertempat di Auditorium C, Paras 5, KOMTAR.

Objektif program adalah untuk membimbing dan membendung penjawat awam daripada melakukan kesilapan atau sebarang pelanggaran undang-undang dalam melaksanakan pengurusan pentadbiran kerajaan terutamanya melibatkan kewangan, prosedur kerja, etika dan kelakuan. Melalui pendedahan yang diberikan daripada penceramah jemputan, para peserta turut mendapat kesedaran dan mesej bahawa pentadbiran awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti melalui pembudayaan dan amalan kerja yang betul serta beretika.

Peserta-peserta adalah daripada kalangan gred 11 hingga gred 48 pelbagai skim. Kehadiran peserta adalah seramai 300 orang yang terdiri daripada pelbagai bahagian/ unit PSUKPP dan Jabatan Negeri.



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) NEGERI PULAU PINANG

Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Negeri telah dianjurkan pada 4 hingga 6 September 2019 dengan tujuan untuk membangunkan satu dokumen antirasuah di peringkat Negeri dan organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Pembangunan OACP adalah salah satu inisiatif mandatori di bawah 'Strategi 2: Memperkuuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam' di dalam NACP.

Bengkel ini juga akan membantu jabatan negeri/ agensi Kerajaan Negeri untuk menyelaras pembangunan Pelan Kerangka OACP di organisasi masing-masing.

Bengkel telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Bayan Baru dan dihadiri oleh 50 orang peserta pelbagai Jabatan Negeri Pulau Pinang.



Paparan Info Integriti

Dipaparkan di Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



integriti@penang.gov.my



04-6505741/5742/5749



Unit Integriti
Pejabat SUK Pulau Pinang
Aras 30, KOMTAR
10503 Pulau Pinang



04-2519487



Perilaku tidak wajar di tempat kerja?? Laporkan!!!

Info Integriti
Bil.2/2019



Tahukah Anda?

Akta ini memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat yang mendedahkan kelakuan tidak wajar seperti kesalahan rasuah atau salah guna kuasa oleh majikan/ rakan di tempat kerja.

**AKTA PERLINDUNGAN
PEMBERI MAKLUMAT
2010 [AKTA 711]**

✉ Aras 30,
KOMTAR

📞 04-6505741/5742/5749

📠 04-2519487

✉ integriti@penang.gov.my

UNIT INTEGRITI, PSUKPP



LAPORAN
TAHUNAN 2020

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

158

Paparan Info Integriti

Dipaparkan di Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



TAFSIRAN 'SAUDARA' MENURUT AKTA SPRM 2009 [AKTA 694]



Info Integriti Bil.4/2019
Aras 30, KOMTAR 04-6505741/5742/5749 04-2519487 integriti@penang.gov.my UNIT INTEGRITI, PSUKPP



LARANGAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK

Adalah menjadi **KESALAHAN** sekiranya penjawat awam yang tidak dibenarkan terlibat dalam politik melakukan perkara seperti berikut:

- Membuat Pernyataan Menyebelahi Mana-mana Parti Politik;
- Menerbit / Mengedar Buku/ Artikel/ Risalah Mengenai Politik;
- Merayu Undi;
- Agen Pilihanraya Tempat Mengundi;
- Bertanding Apa-apa Jawatan; atau
- Memegang Apa-apa Jawatan.

UNIT INTEGRITI
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 30, KOMTAR
No. Tel : 04-6505741/5742/5749
No. Fax : 04-2519487
Email: integriti@penang.gov.my

PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN

- * Peraturan 21 Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997
- * Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PARAS 25, KOMTAR, 10503 PULAU PINANG

TEL: 04-262 1957

FAKS: 04-263 4940

EMEL: webmaster@penang.gov.my